



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 15

RABU 9HB APRIL, 1980.

1400 رابو 23 جمادي الاول

PERCHUMA



BANDAR SERI BEGAWAN.—Jenazah Almarhum Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Khamis (gambar atas) telah selamat di-makamkan di-Makam Diraja di-sini pada hari Ahad lepas.

Almarhum Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Khamis telah mangkat pada hari Sabtu, 5hb April jam 4.30 petang ketika berusia 83 tahun. Almarhum ia-lah putera kepada Sultan Brunei yang ke-25, Almarhum Sultan Hashim, ayahanda saudara kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin.

Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal dan lain2 Kerabat Diraja telah berangkat ka-tempat kediaman almarhum di-Kampung Sungai Kianggeh.

Almarhum Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Khamis telah di-korniakan gelaran Cheteria ia-itu Yang Amat Mulia Pengiran Paduka Tuan pada 15hb Februari, 1968. Tiga bulan kemudian almarhum di-naikkan pangkat gelaran sa-bagai Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibun Nabalalah.

Dalam tahun 1971, almarhum di-lantek menjadi salah sa-orang Wazir ia-itu dengan gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Digadong Sahibol Mal dan bersara dari gelaran tersebut pada 14hb Oktober, 1975.

Almarhum meninggalkan sa-orang balu; 10 orang anak; 79 orang chuchu dan 57 orang chichit. Sementara itu, keluarga almarhum Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Khamis telah mengucapkan berbilang terima kasih kepada kaum keluarga dan sahabat handai yang telah berangkat dan menghadiri istiadat permakaman almarhum.

Elaun penuntut2 seberang laut di-naikkan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Kerajaan menerusi Jabatan Pelajaran telah menaikkan elaun penuntut2 dermasiswa yang menuntut di-United Kingdom, New Zealand, Kanada dan Amerika Sharikat yang bermula 1hb Oktober, 1979.

Kenaikan tersebut melibatkan semua bentuk elaun sara hidup, buku, pakaian, lawatan pendidikan, perkahwinan sabanyak 20 peratus dan elaun perjalanan sabanyak 67 peratus.

Pengumuman kenaikan tersebut yang di-keluarkan oleh Bahagian Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pelajaran minggu ini merupakan kenaikan kali kedua sejak 1hb Julai, 1978.

"DISKO" DI-MAJLIS2 KAHWIN DI-BIDAS KERAS

BANDAR SERI BEGAWAN.—Mengadakan disko, judi dan lain2 perkara maksiat ketika meraikan majlis2 perkahwinan telah di-bidas keras dalam khutbah Jumaat di-masjid2 seluruh negeri dalam minggu lepas.

Khutbah Jumaat juga menjelaskan bahawa majlis2 zikir dan do'a dalam achara2 berbedak, berina dan 'akad nikah ada-lah diragukan dari mendapat shafaat daripada Allah, di-sebabkan oleh chemaran2 yang timbul dari disko,

judi dan perkara2 maksiat yang lain-nya.

Menurut-nya lagi, hukum wajib menghadiri jamuan kahwin itu boleh bertukar menjadi haram dan berdosa jika dalam majlis jamuan itu di-sertai pula dengan perkara yang mungkar dan maksiat.

Khutbah itu menyedai tentang ada-nya kejadian2 di-mana dalam sa-bahagian daripada majlis2 perkahwinan orang2 Islam di-champori dengan perkara mungkar dan maksiat seperti judi dan tari menari

termasuk-lah tarian2 disko.

Mengenai dengan yang mengisikan disko itu, khutbah Jumaat itu mendakwa bahawa setengah2 dari penari2 itu sengaja di-datangkan dari luar negeri.

Apa yang lebeh mendukhitakan, kata-nya, ia-lah bahawa dengan ada-nya penari2 perempuan itu banyak perkara2 mungkar boleh berlaku, bahkan pernah terjadi pergaduhan diantara sa-sama Islam.

"Hal ini sudah pasti boleh menjejaskan ketenteraman masharakat dan menchetuskan suasana yang lebeh burok serta menyentoh kemuliaan majlis perkahwinan".

Melalui khutbah Jumaat itu, pemimpin2 masharakat, khas-nya pehak2 yang bertanggung-jawab di-perengkat mukim dan kampung di-harapkan dapat menchari jalan bagi memastikan yang kejadian2 yang tiada di-ingini itu tidak terus berlaku.

Khutbah Jumaat itu juga menyeru orang ramai supaya menyedari dan menghormati hukum2 U gama dan berusaha menghindarkan diri dari mengadakan perkara2 mungkar dan maksiat yang sia2 itu.

Jangan membabang sungai2 yang telah di-bersehkan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Orang ramai di-Daerah Brunei dan Muara ada-lah di-ingatkan supaya jangan 'membabang' sungai2 yang telah di-bersehkan oleh Pejabat Daerah Brunei dan Muara samada dengan menggunakan buloh2, kayu atau batang2 bagi tujuan untuk menangkap ikan.

Demikian telah di-nyatakan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar kepada Pelita Brunei minggu ini. Kerana, kata-nya perbuatan sa-umpama itu bukan sahaja akan mengotorkan pemandangan alam sekitar bahkan ia-nya juga boleh

Lihat muka 16

Manis-nya Iman

ANAS (radhiallahu 'anhu) menceritakan bahawa adal ah kebanyakan do'a Nabi (Sallallahu 'alaihi wassalam) ia-lah: "Ya! Allah korniakan-lah kapada kami kebaikan di-dunia serta kebaikan di-akhirat dan lindongi-lah kami daripada azab siksa neraka"—Hadith Nabi riwayat Bukhari dan Muslim.

Merokok bahayakan kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN.—Merokok sangat membahayakan kesihatan, demikian perutusan peribadi Pengarah Perubatan dan Kesihatan, Y.B. Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dr. P.I. Franks bersempena Hari Kesihatan Sedunia yang jatuh pada 7hb April lalu. Tema Hari Kesihatan Sedunia pada tahun ini ia-lah "Merokok atau Kesihatan—terserahlah kapada Awda".

Menurut Yang Berhormat Pehin bahawa kesan bahaya merokok ka-atas kesihatan bagi sepanjang kehidupan biasa dan ka-atas kanak2 damit yang belum lahir telah di-sahkan berulang-ulang kali.

Perkara ini tidak dapat di-sangkal, kerana menurut laporan2 perangkaan kesihatan sedunia, merokok menambahkan bahaya kapada barah paru2.

Berikut ia-lah perutusan penoh Y.B. Pehin Dato Franks bersempena dengan Hari Kesihatan Sedunia: "Merokok atau Kesihatan—terserahlah kapada AWDA". Tema tahun ini untuk Hari Kesihatan Sedunia ia-lah perutusan peribadi kapada setiap perokok dan mereka yang akan menjadi perokok.

Kesan bahaya merokok ka-atas kesihatan bagi sepanjang kehidupan biasa dan ka-atas kanak2 damit yang belum lahir telah di-sahkan berulang-ulang kali.

Tidak-lah dapat di-sangkal lagi bahawa merokok menambah bahaya kapada barah paru2. Laporan2 Perangkaan Kesihatan Sedunia mengenai merokok telah menganggap bahawa di-negeri2 di-mana tabiat merokok ada-lah berleluasa, 90% kematian di-sebab-

Lihat muka 16



KURSUS Pengurusan Berasaskan Matalamat (Management By Objectives) yang di-anjarkan oleh Yunit Lathan Jabatan Perjawatan telah berakhir semalam. Kursus sa-lama dua hari itu di-kendalikan oleh sa-orang pakar Perunding dalam bidang Pengurusan, Awang John D. Brian yang telah di-undang khas untuk menyelenggarakan kursus tersebut.

Gambar atas kelihatan sa-bahagian dari 16 orang pegawai kanan Kerajaan yang menghadiri kursus tersebut ketika mendengar cheramah yang di-sampaikan oleh Awang Brian.



Pelita Brunei

DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
NEGARA
BRUNEI

9HB APRIL, 1980

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

RASUAH DAN DISKO DALAM KHUTBAH

KHUTBAH Jumaat dalam masa dua minggu berturut2 yang baru lalu telah menyentuh beberapa perkara yang menjadi teras keruntuhan. Keruntuhan yang di-maksudkan tidak sa-takat kepada diri sa-seorang bahkan boleh memberi kesan kepada suasana aman ma'amor yang kita nikmati sa-lama ini. Khutbah Jumaat minggu pertama bulan ini menimbulkan tentang beberapa gejala yang boleh merosak keutuhan diri sa-seorang yang sengahja membiarkan diri-nya di-mamah oleh hawa nafsu dan mahu hidup mewah dan bergaya sedangkan pendapatannya di-luar dari kemampuan untuk menyampaikan hajat-nya itu. Kerana durongan hawa nafsu sa-umpama ini-lah sa-seorang akan mudah melakukan perkara2 yang di-tegah seperti rasuah.

Pada Jumaat yang lepas, Khutbah menimbulkan satu lagi penyakit yang merebak di-mana2 dewasa ini dan wabak tersebut telah mengakibatkan chemaran2 terhadap hasrat yang telah di-laong2kan sa-lama ini ia-itu menjadikan Islam sa-bagai chara hidup kita. Wabak itu ternyata telah menenggangi majlis2 perkahwinan dan ia telah di-anggap sa-bagai satu acara yang perlu, malah lebih perlu daripada mengadakan acara2 berzikir dan berdo'a. Wabak itu ia-lah "disco" dan judi yang ekor dari kedua2 perkara itu ia-lah lain2 perkara makasiat. Orang yang mengambil bahagian di-dalam majlis tari-menari itu atau sekarang terkenal di-sebut sa-bagai disko tidak terhad bagi kalangan para remaja, tetapi juga orang tua2 yang layak melarung tetapi sebak-nya. Akan hal tari-menari ini, Khutbah juga mendakwa bahawa penari2 perempuan ada yang sengahja di-datangkan dari luar negeri. Maka dengan ada-nya penari2 perempuan luar ini banyak perkara mungkar boleh berlaku seperti pergaduhan yang ekor dari kedua-nya ia-lah berjihat sa-sama sendiri.

Dari apa yang di-timbulkan dalam Khutbah Jumaat itu ada-lah menunjukkan suatu gejala yang tidak sehat telah semakin melarat-larat seperti api membakar ladang yang akhir-nya debu jua yang memenohi angkasa. Ini juga menunjukkan bahawa negara kita tidak terkecuali dari di-banjiri oleh budaya2 asing yang tidak padan dengan budaya kita sendiri dan membawa masuk-nya pula bukan orang lain, tetapi diri kita sendiri. Ini berarti sudah ada di-antara kita yang bersedia di-chemari, hanya di-sebabkan oleh naluri keinginan kita untuk menikmati keseronokan dan untuk menjangkau atau menemui erti up-to-date entertainment, tanpa mengambil perhatian yang berat terhadap risiko-nya dalam aspek2 yang patut di-pelihara.

Dalam keadaan sekarang ini, langkah2 yang patut mengambil tempat ia-lah ka-arrah mana masharakat kita mahu di-bentok dan diangkat yang ada sekarang ini patut benar memperhitongkannya dengan mendalam sesuai dengan latar-belakang pengetahuan mereka yang kebanyakan-nya kini terdiri dari para serjana berbagai ilmu, yang berkedudukan di-mata masharakat dan yang di-harap2kan oleh negara.

Umat Islam di-peringatkan supaya jangan terlalu ashih melihat orang2 yang lebih daripada kita dalam hal dunia seperti kesenangan, kemewahan, pangkat kebesaran dan sa-bagai-nya, kerana kalau perkara itu kita pentingkan berarti kita tidak mahu kalah daripada orang yang lebih itu. Apabila sikap itu ada pada diri sudah pasti kita tidak merasa tenteram sa-belum memperoleh apa yang di-perolehi oleh orang itu dan akhir-nya tenaga yang habis di-churahkan untuk mengejar kesenangan dan kemegahan dunia itu menyebabkan amal ibadat tidak di-amal berat. Kerana durongan2 yang demikian itu kita juga akan mudah lupa akan hukum2 yang mengikat diri kita itu dan luan2 mementingkan dunia itu kita tidak lagi memperhitongkan halal haram, lalu kita menchuri atau menipu atau sanggup menerima rasuah.

Ini ada-lah amat membahayakan dan kerana itu kita di-peringatkan supaya menjauhkan diri dari perkara2 yang sa-demikian itu kerana kesan burok-nya bukan saja kepada diri bahkan mungkin kepada negara.

SAYA agak tersentak juga apabila suatu petang ditanyakan: "Apa di-buat orang2 muda kitani bakaui-lintas ani?"

Orang yang menanya itu memaksudkan 'orang2 muda' itu ia-lah anak2 muda belasan tahun yang maseh bersekolah atau lepasan sekolah dan kini 'meramaikan' bandar2 dan pekan2. Mereka sering kedapatan lalu-lalang di-jalan2 atau berkelompok2 di-sudut2 simpang dan lorong2. Keadaan seperti itu-lah yang mungkin di-katakan-nya 'kuai-lintas' itu.

Saya tersentak itu ia-lah kerana sama sekali tidak menduga akan di-tanya begitu. Maalom saja-lah, maalom saya tidak-lah sa-jauh untuk mengetahui sa-hingga ka-'lumeh2' perbuatan orang. Mana-lah saya larat hendak 'memisi2' sampai begitu. Lagi pun itu tentu terjumlah sa-bahagian apa yang di-sebut sa-bagai 'tajassus' yang di-tegah oleh shara' (apabila tidak di-perlukan).

MENYELOK

Yang jelas ia-lah saya kurang pasti akan sampai kamana selokan pertanyaan-nya itu, lalu saya menanya-nya kembali: "Hairan kan kita...?" Maksud saya, adakah dia hairan melihat keadaan itu atau sa-takat sa-pintas lalu ingin tahu; atau juga—benar2 mahu menyelok persoalan di-sa-balek keadaan itu.

Mendengar pertanyaan itu dia segera tertawa dan memegang tangan saya. Tidak-lah saya dapat segera mengesan mengapa pula dia ketawa sedang tangan-nya kuat menarik saya ka-tepi deretan kereta yang di-tetak di-tepi jalan di-situ.

Lalu lintas di-situ agak sebak sekali. Memang pada waktu petang2 begitu suasana biasanya sebak. Anak2 sekolah dengan pakaian sekolah berduyun2 pulang dengan mengempit beg yang padat dengan buku2. Orang2 lain yang membeli-belah di-kedai2 di-situ kelihatan-nya 'bakachambai', sa-bahagian-nya ada yang membembet sa-suatunya berjalan dengan pantas. Mungkin kesesakan itu kerana masing2 berebut dengan masa sa-belum waktu maghrib menjelang.

"Inda juga... kalau tantu kerja bisdia apakah di-hairan-kan," tiba2 dia menjawab. Kelihatan dia mengunjokkan rokok yang sudah tersedia di-buka kotak-nya. Saya mengambil sa-batang.

"Apa... sudah tentu-kah inda ada yang di-hajati bisdia kuai-lintas atu?" tanya saya dengan sengaja mempertahankan anak2 muda itu.

"Lihat tu...," dia bersuara sambil memunchongkan mulut-nya seperti menuding ka-seberang dari tempat kami berdiri.

Saya menoleh. Di-situ kelihatan tiga orang gadis chomel belasan tahun berdiri di-sebalek tiang dekat dengan lorong di-antara dua deretan kedai. Ketiga2-nya berseluar jeans panjang dan bert-shirt.

"Apa tah di-buat bisdia mi-atu atu?" kedengaran lagi dia bersuara. "Lagi antadi turus2 miatu macham tah ada yang di-tunggu-nya" sambong-nya lagi.

"Mun miatu ada tah kan di-hajati bisdia" saya mengulas sa-kira2 dapat di-fahami-nya yang dia sendiri sudah menjawab kemushkilan-nya.

"Mula2, bisdia bakaui dari ujong ka-ujong, sudah atu, turus2 bajanjar, inda ada usul-nya kan membeli2 macham orang lain atu..." suara-nya berungut.

Saya percaya dia sudah dari tadi memerhatikan ketiga2 orang gadis yang memang kelihatan-nya 'galak' itu.

BELUM DI-NYALAKAN

Rokok sa-batang yang saya ambil tadi belum sempat dinyalakan. Machis yang di-tangan-nya seperti lupa hendak di-unjok-nya. Tentu-lah dia 'ingau' melihat keadaan orang2 muda yang di-katakan-nya kuai-lintas itu.

Berhampiran dengan tempat kami berdiri itu ramai orang melintas. Mana2 yang kenal

PADA HEMAT SAYA....

Al-kesah

SUATU PETANG....

ada di-antara-nya memberi senyum sambil menundukkan sedikit kepala tanda menyapa hormat.

"Yang di-ujong sana atu lain lagi hal-nya," dia menudingkan jari telunjuk-nya sedang empat jari-nya lain menggenggam kotak machis.

Mata saya menengoki hala jari-nya yang menuding itu. "Dari antadi inda abis2 baibun, macham tah inda bahawar bagalat kan orang lain" sungut-nya lagi.

Saya kurang pasti yang mana satu di-antara kelompok orang2 muda yang di-maksudkan-nya. Di-situ kelihatan-nya pejal dengan orang2 yang singgah dah melihat2 majallah yang di-jual di-sa-buah kedai yang paling ujong.

"Yang laki2-nya atu sudah tah macham inda chupok tidor, tangan-nya pula amai megang2 bahu kawan-nya yang bini2 atu." Suara-nya sa-makin rengan menandakan dia sudah tidak ragu2 melepaskan sungutan begitu.

Mata saya maseh menchari2 di-chelah2 kelompok ramai itu bagi memastikan yang mana satu yang di-maksudkan-nya. Tiba2 sa-buah kereta kelihatan berhenti di-situ. Tidak jelas siapa pemandu-nya. Sa-orang pemuda munchol dari chelah2 orang ramai di-situ melompati longkang lalu menghampiri kereta yang chomel berwarna merah itu. Di-ikuti kemudian oleh sa-orang gadis. Kedua2-nya membongkok berchapak kepada pemandu. Mereka kelihatan girang sekali.

"Nah! Lihat tu, baru bagas baibun di-sana, ani kan kamana pula bisdia bagalat," suara-nya kali ini agak tinggi. Baru dapat saya tangkap bahawa pasangan itu-lah yang di-maksudkan-nya.

Kedua2 anak muda itu segera pula masuk ka-kereta dari pintu belakang yang kelihatan di-buka dari dalam. Sa-kejapan itu juga kereta tersebut melunchor, dan ketika betul2 berseberangan dengan tempat kami berdiri itu saya sempat melihat dalam kereta itu ada dua pasang teruna dara, termasuk pasangan penumpang yang baru tadi.

Saya terfikir tentu orang yang bersungut kepada saya sa-dari tadi akan membuat berbagai2 imaginasi perihal dua pasangan anak muda itu. Lalu sengaja saya mengangguk-nya dengan menarek perhatian-nya yang rokok saya belum lagi dinyalakan.

Dia pun tersengoh2 sambil mengunjokkan machis.

KENA RIGIS

"Jangan tah luan kan di-ingaukan," saya chuba mententeramkan khayalan-nya. "Macham kitani ani jua, bisdia atu ada dengan hajat masing2" saya menambah.

"Auu... inda ku menafikan tu, ganya hajat bisdia atu inda tantu..." jawab-nya sambil melihat saya menyalakan machis. "Mun tantu kan ba-hapa2, umpama-nya kan ka-evening class ada jua tanda2-nya," sambong-nya rantang.

"Barangkali bisdia kan melihat wayang," saya menelchah sa-kira2 dapat merengankan kerisauan-nya.

"Atu lain, yang kan melihat wayang atu ramai sudah ba-kumpul di-luar panggong di-sana" dia bersuara sambil memanjangkan leher-nya seperti menjengok ka-arrah panggong wayang yang agak jauh dari tempat kami berdiri itu. "Tapi, bisdia atu pun belum jua tantu kan melihat wayang, ada yang chuma menunggu2 pe-

luang..." tambah-nya bar-sahaja.

"Peluang bahapa?" tanya saya.

"Kena rigis" jawab-nya pendek.

Saya hampir tergelak besar mendengar perkataan 'rigis' itu. Mungkin maksud-nya anak2 gadis yang bakaui-lintas atau turus2 bajanjar itu seperti udang2 kecil yang akan melompat ka-dalam perahu si-penangkap ikan yang di-sebut 'perigis'. Tentu-lah ganti perahu di-jalan2 raya ia-lah kereta, tapi ada-kah 'perigis' pula di-gantikan dengan anak2 muda yang memandu kereta dan memang bersedia menumpangkan mana2 anak gadis yang sudi ka-dalam kereta-nya?

Tentu-lah perkataan 'rigis' itu memberi maana yang penoh imaginatif!

CHUBA

MENTENTERAMKAN

Saya ingin segera mententeramkan kerisauan-nya. "Mianii saja," saya memulakan. "Apa pun chorak hajat bisdia atu tetap hajat jua. Maalom saja tah, orang2 muda macham bisdia atu inda banyak kan di-ingaukan-nya." Saya melepaskan kata2 itu sambil merenong ka-muka-nya untuk mengesan riaksi-nya.

Sa-kejapan itu pula melonchat kata2 dari mulut-nya: "Atu tah yang ku inda ingin. Bisdia atu patut-nya sudah tau ingaukan nasib-nya," sambong-nya rantang.

"Nah! Lihat lagi tu... apa... inda banar sangkaan-ku? Bisdia atu menunggu kena rigis" Jari-nya menunjuk ka-seberang di-mana sejak tadi tiga orang anak gadis berdiri di-balek tiang dekat dengan lorong deretan kedai itu. Dua orang di-antara-nya kelihatan sedang masuk ka-dalam kereta yang menyinggahi mereka, sementara yang sa-orang lagi dengan riang melambaikan tangan terus jua berdiri di-situ.

Saya menggeleng2kan kepala.

"Patut-nya bisdia sudah sedar akibat inda batantu macham ani. Bukan inda di-ke-tahui, ada ramai yang akhir-nya ka-Mahkamah Kadhi, lain lagi yang terchichir pelajaran-nya. Sudah atu kan jadi apa bisdia?" Dia sa-makin rantang. Yang jelas, saya tidak berhasil mententeramkan kerisauan-nya.

"Tapi, bisdia atu inda indung bapa-nya," saya menchuba lagi. "Indung bapa bisdia patut-nya yang lebih ingau" saya menyambung seperti menyindir-nya pula.

"Dui... indung bapa ka-rang ani!" Balas-nya dengan gaya yang sa-kira2 memahamkan saya bahawa ibu bapa sekarang sudah longer kawalan-nya ka-atas anak2 muda mereka berbanding dengan ibu bapa masa2 dahulu.

"Jadi, ada-kah indung bapa bisdia atu inda ingaukan bis-dia2?"

"Bukan inda ingau, siapa2 jua indung bapa, macham jua kadiaku ani yang beranak muda, tentu tah ingaukan nasib bisdia atu." Dia menafikan.

"Di-mana anak ta kalau waktu petang2 miani? Saya mena-nya-nya bukan dengan maksud memisi2 hal rumah-tangga-nya."

"Yang perempuan dua orang, kedua2-nya maseh bersekolah dan tinggal di-asrama, inda tah ku tahu apa di-buat bisdia waktu ani. Sa-orang yang laki2 sudah bekerja, antadi ada di-rumah menchuchi kereta-nya." Jawab-nya kujor.

".... bukan inda di-tahu, ada ramai yang akhir-nya ka-Mahkamah Kadhi, lain lagi yang terchichir pelajaran-nya. Sudah atu kan jadi apa bis-dia2?"

"Yang sudah bekerja atu ba-lum kahwin?"

"Batunang pun balum". "Barangkali maseh mengu-jar kawan kan jadi isteri-nya?" "Mun tantu, inda jua kan hal-nya".

Perchakapan pendek2 begini nampak-nya menurunkan sedikit suhu kepanasan risau dalam fikir-nya mengenai keolahan anak2 muda yang menurut-nya kuai-lintas itu.

CHOMEL BERKILAT

Saya tidak sedar ketika itu di-hadapan kami rupa-nya ada sa-buah kereta chomel berkelat melintas perlahan dan kemudian berhenti di-hujung deretan kedai. Mata-nya menengok kereta itu sedang di-wajah-nya kelihatan tanda2 tidak senang. Kedengaran bunyi hon, dan pemandu-nya mengeluarkan tangan melambai hala ka-seberang. Gadis yang kawan-nya baru sa-bentar tadi 'kena rigis' di-seberang itu kelihatan menyebarkan di-chelah2 kereta yang melunchor di-situ. Patah-lah sudah, dia rupa-nya memanggu kereta chomel berkelat yang membunyikan hon itu.

"Cheh! Anak nuraka... tiba2 suara-nya kedengaran seperti di-tahan2 keluar-nya."

Saya merenong muka-nya dengan hairan. Kelihatan dia mengentamkan gigi-nya tajam geram sedang mata-nya tajam memandang kereta itu di-mana gadis yang ber'jean' panjang dan bert-shirt yang dari tadi kelihatan-nya 'galak' itu dengan girang memasuki-nya.

"Dia kena rigis..." Saya chuba bergurau. Tapi dia dism dengan gigi-nya terus di-kentamkan sambil tangan-nya mengepal2 penumbok. Ketika itu juga munchol isteri-nya yang membembet beg penoh berisi barang2 berbungkus. Saya segera menchuit memberitahu-nya yang isteri-nya itu sudah menunggu di-pintu kereta-nya yang di-letakkan jarak dua buah dari kereta saya di-mana kami berdiri sejak tadi. Dia menoleh ka-arrah isteri-nya.

"Lihat tu! Siapa di-sana atu..." tangan-nya menuding memberi isyarat supaya isteri-nya memandang ka-arrah kereta chomel berkelat yang ber-hendak bergerak di-hujung sana.

"Kereta si-Awang tu... mengapa kian...? Isteri-nya berkata hairan."

Saya lagi hairan dan ter-pinga2.

Dan dengan tidak memis-tiri, orang yang dari tadi mula-nya bertanya, sudah itu bersungut dan akhir-nya risau mengenai anak2 muda yang kuai-lintas itu beredar meninggalkan saya menuju kereta-nya dengan langkah orang marah. Melihat keadaan-nya itu isteri-nya memandang ka-muka saya seperti bertanya mengapa suami-nya menunjuk ka-kereta orang yang di-sebut-nya 'si-Awang' itu.

Saya terus terpinga2 sambil melihat kiri kanan. Keadaan di-seberang menyebarkan sudah mula lengang. Dan baru saya teringat yang saya berada di-situ tadi ia-lah untuk singgah membeli alat2 tulis yang di-pesan oleh anak2 saya.

Sa-kejapan itu terbetek-lah di-hemat saya bahawa mujor-lah anak2 saya kesemua-nya baru dalam umur sekolah rendah, dan belum tergolong menjadi anak2 muda zaman sekarang...! — *Ketua Pegawai Penerangan.*

WORLD HEALTH DAY

BANDAR SERI BEGAWAN. — The World Health Day fell on 7 April.

The slogan of the day has been "SMOKING OR HEALTH—THE CHOICE IS YOURS".

The following is the message by Pehin Dr. P.I. Frank — Director of Medical And Health Service. "For World Health Day". "Smoking or Health — The choice is Yours". — This year's theme for world Health Day is a personal message to every smoker and would be smoker.

The harmful effects of smoking on Health, on normal life-span and on the unborn baby have been confirmed over and over again.

There is no doubt whatsoever that smoking increases the risk of lung cancer.

World Health Statistics reports on smoking have calculated that in countries where smoking is a widespread habit, 90% of deaths from lung cancer, 75% of deaths from bronchitis and 25% of deaths from ischaemic heart disease in males under 65 years has been due to smoking.

Smoking during pregnancy increases the risk of abortion, still-births, premature and small-for-date babies.

In many industries, respiratory diseases are more common among workers who smoke than those who don't.

Smoking also affects the working capacity of the population indirectly due to the higher mortality and morbidity rates among smokers.

The smoking habit sadly, is on the increase in the affluent and developing coun-

Ex-Pg Digadong passes away

BANDAR SERI BEGAWAN. — An uncle of the Duli YTM Paduka Seri Begawan Sultan, Brunei's former Pengiran Digadong Sahibul Mal, YAM Pengiran Anak Haji Khamis who passed away on Saturday was laid to rest at the Royal Mausoleum here on Sunday morning.

YAM Pengiran Anak Haji Khamis, 83, was the son of 25th ruler of Brunei, the late Sultan Hashim.

He leaves a widow, ten children, 79 grand children and 57 great-grand children.

Among those who paid last respects to him are His Highness the Sultan and Yang DiPertuan, the Duli YTM Paduka Seri Begawan Sultan, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, and YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiyah.

tries which is contrary to the target of Health for all in the Year 2000.

To attain this goal, sustained efforts must be made now to change people's attitudes to smoking; and to promote non-smoking as normal social behaviour.

Smoking is not good. There is nothing to recommend it.

Chess Assoc. holds general meeting

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Chess Association held its third Annual General Meeting at the lecture room of the Language and Literature Bureau here recently.

It was aimed at electing the new committee members and the office bearers for the years 1980-81.

The YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris Ibni Al-Marhum Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Muda Abdul Kahar was elected the Patron.

YAM Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Hj Mohammad was elected President while Mr Anthony Chin and Awg Muhammad Hj Wasli were appointed as the Secretary and the Asst Secretary respectively.

Pengiran Mohd Limbang bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Hj Yusoff was voted to be Treasurer while Awg Asnawi bin Hj Abd Halim and Awg Muhammad bin Hj Damit were selected as the Competition Directors.

Another two persons elected Auditors are Awang Md Daud Hj Sablee and Awg Apong bin Hj Puteh.

The association also elected seven others to be its ordinary committee members.

Sg. Kianggeh in last stage

BANDAR SERI BEGAWAN. — Work on the project for the re-development and canalisation of Sungai Kianggeh here has now entered its last stage.

The work which got underway last June is expected to be completed in four months.

The 14-month project which will provide an open market place, accessible both by land and waterway,

will widen the Kianggeh River and thus makes the area more pleasant.

The scheme also includes vast land reclamation project on which a new public toilet block and three foot-bridges to cross the river will be housed.

The new development is expected to cost about eight million dollars on completion.

56 Policemen receive certs.

JALAN MUARA. — The Superintendent of Police, YAM Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan bin Pengiran Haji Ismail presented judo belts and certificates to thirty police recruits and twenty-

six police personnel on Saturday afternoon.

The presentation ceremony was held at the Police Training Centre here.

These policemen are presently attending a refresher course.



Renew the Identity Card

BANDAR SERI BEGAWAN. — Holders of identification cards who were aged below seventeen in 1975 are required to renew their cards.

Renewal will start from the first of next month at the National Registration Department at the Suri Seri Begawan Building in Jalan Tutong here.

The Commissioner of National Registration in his announcement last week said, this is in accordance with the National Registration Act of 1971 which requires all national who have reached the age of seventeen to register for new identity cards.

Applicants should take with them their present cards, two photographs, birth and citizenship certificates and other related documents.

Failure to renew identity cards is an offence in Brunei and is liable to imprisonment, a fine or both.

The Hon'ble Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, the Director of the Welfare, Youth and Sports, presented certificates to five blind trainees and two officers from the department on Saturday afternoon (pictured above).

The certificate presentation ceremony was held at the Youth Centre in the capital.

These courageous blind folk and two officers have recently climbed the Mount Kinabalu in Sabah.

Mutika to be held on Sat.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Miss Nanthida Keawbuasai of Thailand, the winner of the 1978 Asian Amateur Singing Contest held in Hongkong, will be the guest of distinction, who will make a special appearance in the final of Radio Television Brunei's premier singing contest, Mutika.

The show which will be held on Saturday night will be telecast live from the RTB's Dewan Raya.

Twelve finalists including five women will participate in the competition.

The winner and the first runner-up will represent Brunei at the Asian Amateur Singing Contest to be held in Hongkong later this year.

Haji Jaya given new post

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Government has appointed Awang Haji Jaya bin Abd Latif as the Deputy Director of Establishment.

Awang Haji Jaya replaces Pengiran Mohammed Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin who at present holds the post of Administrative Officer at the Embassy Agency.

Awang Haji Jaya has served in the Establishment Office for five years and he was the Chief Training Officer.

CURRENCY BOARD ISSUES NEW COINS

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Chairman of the Brunei Currency Board announced last week the issue of a limited number of proof quality sets of the basic Brunei coinage.

The sets consist of the 1¢-\$1 coins and have been specially minted by the Royal Mint, London. Each set is in an acrylic case and the sale price of each set is B\$60.00.

Sets may be obtained from the office of the Brunei Currency Board, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, and all the Post Offices in the State of Brunei, commencing today, 9th April 1980.

Science Education Assoc. elects members

BANDAR SERI BEGAWAN. — At the annual meeting held recently, Mr AVC Liew was elected Chairman of the New Executive Body of the Brunei Association For Science Education (BASE).

Other members elected are as follows:- Vice-Chairman: Dk Mariam Pg Hj Matarsat, Hon. Secretary: Mr C.R. Netto, Hon. Asst. Secretary: Awg Abd Razak Hj Metasan, and Hon. Treasurer: Ak Zaini Pg Hj Kamaluddin.

While the committee members are Mr A. Urms-ton, Lt Marzuki Hj Ahmad, Mr G. Clark, Mr T.K. Goh, and Miss Hong Geok Cheng.

BASE is a purely Scientific Association existing to:

- 1) Promote the understanding of fast developing scientific and technological world.
- 2) To improve the teaching methods of science and technology for all science teachers in Brunei.
- 3) To conduct science courses to enable science teachers to learn some latest knowledge so that they can teach students more efficiently.
- 4) To organise educational tours to visit places of scientific interest in Brunei as well as in neighbouring countries.
- 5) To hold talks on science so that the members are aware of the modern development in science and technology.
- 6) To organise science project competitions for science students in junior and senior secondary schools and technical institutions.
- 7) To produce science bulletin so that members are aware of the activities of the association.
- 8) To organise film shows to educate the members about the scientific world.
- 9) To form a special science panel who will, in Brunei, undertake scientific studies which

will help boost the scientific development.

To date, the association has 66 members and most of them are science teachers.

Those interested in joining the association may contact the Hon. Secretary for further details.

The Brunei Shell Petroleum Company sponsored the science project competitions for the past two years and it has agreed to sponsor it again this year.

A science exhibition was held on 23 March, in which five local science companies participated, they are the Cathay Scientific, Eureka International, Southern Agencies, Hai-Ou Company and Scientific and Technological Products.

The association is affiliated with the International Council of Association For Science Education, the Headquarters of which is in London.

Flood prevention work nears completion

BANDAR SERI BEGAWAN. — More than 20 workmen from the Brunei-Muara District Office are presently carrying out the flood prevention work along the Sungai Damuan in the district.

The work commenced last month and is expected to be completed next week.

They have been cleaning up the area along the river from the mouth at Kuala Mulaut.

To date, about three miles of the river bank have been cleaned and cleared of debris.

The work carries on for another two miles upstream.

Over the past 20 years, this is the first time the river has been cleaned up.

A District Office spokesman has urged the people not to block off the river for fishing in future, but to use nets instead.

DALAM PERKARA KEMATIAN

9. Mayat (orang mati) yang mu'min, orang itu mati dalam keadaan fasik, maka dia di-bawah kehendak Allah Ta'ala. Jika ia tiada bertaubat sa-belum mati-nya, sama ada ia akan di-seksa dengan masuk neraka-kemudian di-masokkan ka-dalam shorga, kerana meski pun ia mati dalam keadaan fasik tetapi ia maseh di-kira sa-bagai orang yang beriman. Atau ia di-maafkan dengan tiada masok neraka, semata2 dengan kelebihan Allah Ta'ala atau dengan kelebihan Allah serta shafaat Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) ka-atas-nya.

10. Mula2 orang yang memberi shafaat (pertolongan) kepada manusia dan lain-nya, sa-utama2 orang yang memberi shafaat (pertolongan) pada hari Kiamat ia-lah kekaseh Allah ia-itu Syedina Muhammad Al-Mustafa (Sallallahu 'Alaihi Wassallam). Ada beberapa shafaat yang boleh di-berikan oleh Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) antara-nya ia-lah :

Pertama : Sa-besar2 shafaat-nya ia-lah pada menyegerakan kira mengira di-hari Kiamat dengan tujuan untuk melegakan manusia dari lama berdiri di-padang Mahshar.

Kedua : Shafaat memasokkan suatu jema'ah atau kumpulan ka-dalam shorga dengan tiada dalil bahawa nyawa atau roh mengira.

Ketiga : Shafaat (pertolongan) ka-atas orang2 yang berhak masok neraka.

Ke-empat : Shafaat mengeluarkan orang2 yang masok neraka dari api neraka, kerana mereka orang yang mentauhidkan Allah Ta'ala. Shafaat ini (jenis ke-empat) berlaku juga daripada lain2 Nabi, Malaikat dan orang2 mu'minin.

Kelima : Shafaat (pertolongan) pada mengangkat darjat dalam shorga bagi ahli shorga.

AQIDAH AHLI SUNNAH

WAL-JAMA'AH (II)

(Sambongan)

11. Sa-seorang itu tiada-lah mati melainkan dengan ada ajal-nya. Erti ajal itu pula ia-lah suatu waktu yang telah di-tetapkan oleh Allah Ta'ala dalam azali akan habis tempoh hidup-nya dalam waktu itu, sama ada dengan di-bunuh atau lain-nya. Puak Mu'tazilah berpendapat bahawa pembunuhan itu telah memotong dengan pembunuhan-nya akan ajal si-mati itu. Sakira-nya ia tiada di-bunuh, neschaya ia akan hidup lebeh lanjut dari masa ia di-bunuh itu.

HAKIKAT NYAWA

12. Nyawa atau roh itu kekal sa-telah badan sa-seorang itu mati, sama ada nyawa itu di-beri nikmat atau di-seksa.

Dalam perkara ini, para ulama bertentangan pendapat ia-itu sama ada nyawa atau roh itu binasa pada hari Kiamat. Berkata As-Sheikh Al-Imam Taqiuddin Ali As-Subki: "Yang lebeh zahir pada dalil bahawa nyawa atau roh itu tiada binasa sama sekali. Kata qila (di-katakan pula) nyawa atau roh itu binasa ketika di-tiup sangkakala atau tantuang yang pertama, sa-bagaimana lain2 makhluk binasa. Firman Allah Ta'ala :

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ

(Surah Ar-Rahman, Ayat 26).

13. Hakikat roh atau nyawa atau nafas itu, tiada-lah Nabi Muhammad (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) berkata2 dalam perkara ini. Oleh itu kita juga tiada mahu mempersoalkannya. Apa yang kita katakan hanya-lah: "Bahawa roh itu ada" ia-itu sa-

bagaimana pendapat Al-Imam As-Sheikh Al-Junied, kepala ahli Tasauf dan lain2 Ulama. Ada ulama yang membahatkan perkara roh atau nyawa itu, akan tetapi Jumhur Ahlil-Kalam atau ulama Tauhid berkata: "Bahawa roh itu suatu jisim yang halus yang berjaln dengan badan sa-bagai berjaln ayer dengan kayu basah." Banyak pula ulama lain berkata: "Bahawa roh itu suatu 'aradh ia-itu hidup badan kerana ada-nya roh". Ada pun dalil yang menunjokkan bahawa roh itu suatu jisim kerana ada Hadith2 yang menyatakan bahawa roh itu turun, naik dan berulang alek dalam berzakh ia-itu sa-bagaimana kata Al-Allamah As-Sahrurdi.

KERAMAT WALI2

14. Keramat bagi wali2 itu ada-lah hak dan benar, harus berlaku pada wali2. Ada pun wali2 itu ia-lah orang yang mengenal Allah Ta'ala di-sertai dengan berbuat taat kepada-nya, lagi menjauhi dosa besar dan kechil. Mereka berpaling dari berlebeh2an dalam kesedapan dan shahwat keinginan dengan hati mereka sendiri. Tetapi kebanyakan dari puak Mu'tazilah berpendapat tiada harus berlaku keramat itu dari wali2 Allah Ta'ala.

15. Keramat itu ada-lah harus dan ada-lah berlaku di-tangan wali2 Allah Ta'ala seperti ayer sungai Nil naik banjir sa-telah di-champakkan surat Syedina Umar (Radhiallahu 'Anhu) ka-dalam sungai Nil itu. Juga sa-bagaimana Syedina Umar (Radhiallahu 'Anhu) melihat dari atas mimbar masjid di-Al-Madinah Al-Munawwarah, akan angkatan tentera-nya yang berjuang di-suatu tempat bernama Naha-

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.J.S. Ashar dan U. Cairo, Mufti

kapada sahabat2 Radhiallahu 'Anhum dan lain2 orang yang saleh daripada umat Syedina Muhammad (Sallallahu 'Alaihi Wassallam).

AZAB KUBOR

16. Kita beri'tiqad bahawa azab kubor ka-atas orang kafir dan orang fasik yakni berlaku azab pada kedua-nya, dengan chara di-kembalikan roh kapada jasad atau kapada apa yang tinggal dari jasad itu, sama ada mereka di-kuburkan atau tiada di-kuburkan. Dan kita beri'tiqad bahawa nikmat kubor akan di-berikan kapada orang2 mu'min yang taat kapada Allah Subhanahu Wata'ala.

WALLAHU A'LAM

(Bersambong)



DUA orang perwakilan Brunei ka-Persidangan Islam Sa-Dunia, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei dan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadzib Besar Brunei telah selamat kembali ka-tanah ayer pada hari Selasa minggu lalu. Persidangan tersebut telah di-adakan di-Famagusta, Cyprus, sa-lama empat hari dan telah di-hadiri oleh perwakilan2 dari negara2 Islam. Ini ada-lah kali ketiga Brunei menyertai persidangan tersebut. Sidang Mukhtar Islam Sa-Dunia kali yang ka-lapan itu berthemakan 'Islam, Keamanan dan Masalah Kemanusiaan'. Dan sa-banyak lima tajuk penting telah di-bincangkan dalam muktamar tersebut. Sementara itu Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail beserta dengan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin dan Awang Haji Mashud bin Awang Haji Damit telah berada di-Sabah pada minggu lalu untuk menghadiri pembukaan rasmi masjid daerah Papar. Upacara perasmian masjid tersebut berlangsung pada hari Jumaat lalu. Pemergian mereka ka-mana ada-lah atas undangan dari Kerajaan Negeri Sabah.

NABI Muhammad s.a.w. bersabda yang bermaksud: Tanda bagi ke-
chelakaan itu ada empat: lupa akan dosa2 yang lalu sedangkan ia-
nya tersimpan di-sisi Allah, dan ingat akan kebaikan2 yang lalu se-
dangkan dia tiada tahu ada-kah kebaikan2 itu telah di-terima oleh
Allah atau pun tidak? Dan dia mementingkan melihat orang yang
lebih daripada-nya dalam perkara dunia dan dia mementingkan me-
lihat orang yang kurang daripada-nya pada UGAMA. Ber-
firman Allah: Aku berkehendakkan dia sedangkan dia tidak ber-
kehendakkan Aku, lalu Aku tinggalkan dia. Dan tanda kebahagiaan
itu ada empat pula ia-itu: mengingat dosa2 yang lalu, dan melupakan
kebaikan2 yang lalu dan dia mementingkan melihat orang yang lebih
daripada-nya pada ugama, dan dia mementingkan melihat orang
yang kurang daripada-nya pada perkara dunia.

Hadith yang baru ki-
ta terangkan tadi mem-
beri suatu pengajaran
dan panduan pada kita
untuk menghindarkan
kita daripada jatuh ka-
dalam kechelakaan
dan penderitaan hidup
di-dunia dan di-akhi-
rat, dan membolehkan
kita beroleh kebahagia-
an dan kesenangan hi-
dup di-dunia dan di-
akhirat.

Pertama: kita perlu-
lah jangan sa-kali2 me-
upakan dosa2 kita
yang lalu, kerana kalau
kita melupakan-nya
entu sa-kali kita tidak
ngat untuk meminta
ampun dan taubat ka-
pada Allah. Apabila
kita tidak ingat untuk
neminta ampun dan
aubat kepada Allah
sudah tentu dosa kita
tu akan kekal tertulis
dalam buku chatetan
malaikat dan ada ke-
nungkinan tiada akan
erhapus.

Ini satu tanda keche-
akaan yang akan
membawa kesengsara-
an dan azab kepada
kita. Tetapi kalau kita
ngat akan dosa2 yang
elah kita lakukan di-
nasa2 yang lalu sudah
entu kita ingat untuk
bertaubat dan memin-
a ampun kepada Al-
lah.

Dan apabila kita
bertaubat dan memin-
ta ampun kepada-Nya
dan harapan dosa2 itu
di-ampunkan-Nya dan
terlepas-lah kita dari
balasan dan azab Al-
lah. Sebab itu me-
ngingat dosa2 yang la-
lu itu tanda kebahagia-
an.

Kedua: kita perlu-
lah jangan hanya
mengingat kebaikan2
yang telah kita laku-
kan di-masa2 yang lalu
kerana dengan kebaik-
an2 yang telah kita la-
kukan itu belum pasti
di-terima oleh Allah
atau sa-balik-nya. Jika
hanya ashek mengingat
kebaikan2 yang lalu
itu boleh jadi menjadi-
kan kita malas untuk

bergiat lebih kuat un-
tuk menambah kebaik-
an2 kita itu.

Bila ini berlaku dan
kebetulan pula kebaik-
an2 yang lalu itu tiada
di-terima oleh Allah
tentu-lah kita rugi. Se-
bab itu-lah mengingat-
ingatkan kebaikan
yang lalu itu salah satu
tanda kechelakaan dan
kesengsaraan.

Tetapi jikalau keba-
ikan2 yang lalu itu kita
lupakan sahaja dan ki-
ta terus membuat ke-
baikan2 yang lebih ba-
nyak lagi sudah pasti
akan menguntungkan
diri kita, sebab amal
kita bertambah dan pa-
hala kita sa-makin ba-
nyak. Yang demikian
itu tanda kebahagiaan.

Yang ketiga: kita
perlu-lah jangan ashek
melihat orang2 yang
lebih daripada kita da-
lam hal dunia seperti
kesenangan, kemewah-
an, pangkat kebesaran
dan sa-bagai-nya. Ke-
rana kalau itu yang ki-
ta pentingkan bererti
kita tidak mahu kalah
daripada orang yang
lebih itu.

Apabila sikap itu
ada pada diri kita su-
dah pasti kita ti-
dak merasa tenteram
sa-belum memperolehi
apa yang di-perolehi
oleh orang itu. Akhir-
nya tenaga kita habis
di-churahkan untuk
mengejar kesenangan
dan kemegahan dunia
sedangkan amal ibadat
kita entah ka-mana.

Ada kala-nya "lu-
an2" mementingkan
dunia itu kita tidak la-
gi memperhitungkan
halal haram, lalu kita
menchuri, atau menipu
atau sanggup meneri-
ma rasuah.

Sebab itu hadith
Rasulullah s.a.w. mem-
beri panduan supaya
kita menjauhkan diri
dari memandang orang
yang lebih daripada
kita mengenai kesena-



ngan2 dan kemegah-
an2 dunia itu.

Sa-balik-nya hadith
itu menyarankan supa-
ya kita chenderong un-
tuk melihat keadaan
orang yang kurang da-
ripada kita dalam per-
kara kesenangan dan
kemegahan dunia itu.

Kerana dengan jalan
demikian kita akan in-
saf bahawa keadaan
diri kita ada-lah lebih
baik daripada orang
yang serba kekurangan

TELAH di-cherita-
kan mengenai dengan
sa-orang yang bernama
Ali Ibnul Husain yang
terkenal dengan keta-
atan-nya kepada orang
tua-nya. Pada suatu
hari, beliau telah di-ta-
nya akan sebab2 beliau
tidak mahu makan sa-
piring dengan ibu-nya.
"Wahai Ali! engkau
ada-lah sa-orang pe-
muda yang sangat ber-
bakti kepada orang
tua-mu, tetapi menga-
pa-kah engkau tidak
mahu makan bersama
beliau dalam satu pi-
ring dengan mu?" Kata
Ali: "Sa-benar-nya sa-
ya khuatir akan teram-
bil makanan yang sa-
benar-nya juga di-ingi-
ni oleh ibu saya untuk
mengambil-nya. Yang
demikian akan menja-
dikan saya sa-bagai sa-
orang anak yang der-
haka".

Derhaka kepada ke-
dua orang tua ada-lah
satu dosa yang amat
besar yang tidak mung-

MENGHINDAR DIRI DARI KECHELAKAAN DAN PENDERITAAN

itu, dengan jalan itu
akan memudahkan ki-
ta bershukor kepada
Allah atas kelebihan
nekmat yang di-kornia-
kan-nya kepada kita
lalu timbul-lah rasa re-
dha dalam diri kita
atas limpah kornia
Allah itu dan memung-
kinkan kita bertam-
bah-tambah ta'at ka-
pada Allah. Itu-lah sa-
lah satu tanda keba-
giaan.

Yang ke-empat: kita
perlu melihat orang yang
lebih dalam amal ibadat-
nya kepada Allah daripada
kita kerana dengan jalan
demikian kita akan insaf
akan kekurangan dan kele-
mahan kita dalam perkara
ugama. Apabila ada keinsa-
fan sudah tentu akan men-
durong kita untuk lebih
giat lagi beramal ibadat
dan mengerjakan kebajikan
supaya kita mendapat dar-
jat yang tinggi di sisi Allah.

Tetapi kalau kita ashek
membandingkan diri kita
dengan orang yang kurang
amal ibadat-nya atau orang
yang tidak mementingkan
ugama seperti hal-nya sa-
tengah2 orang perempuan
yang enggan bertudung ke-
pala kerana banyak orang
yang lain yang tidak bertu-

dong umpama-nya, sudah
tentu tidak akan menimbul-
kan keinsafan kepada diri
kita.

Lama kelamaan kita sa-
makin jauh daripada uga-
ma, sebab itu-lah lebih ba-
ik kita membandingkan diri
kita dengan orang yang le-
bih ta'at-nya pada ugama
daripada diri kita, tujuan-
nya supaya kita insaf dan
lebih kuat lagi mematohi
ajaran2 ugama. Sebab itu
perkara ini menjadi salah

satu tanda kebahagiaan.
Ini-lah keadaan2 yang di-
anjurkan oleh junjongan
kita Nabi Muhammad s.a.w.
bagi maksud menghindar-
kan kechelakaan dan pen-
deritaan kita dan untuk
mendapatkan kebahagiaan
khas-nya untuk kehidupan
di-akhirat nanti. Bertaqwa-
lah tuan2 kepada Allah
dan ikuti-lah ajaran2 Uga-
ma Islam seperti yang di-
tunjukkan oleh Rasulullah
s.a.w. di-atas tadi.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit
bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong
mulai dari hari Rabu 9hb April, 1980 hingga ka-hari
Selasa 15hb April, 1980 ada-lah seperti di-bawah ini:

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
9hb April	12.28	3.43	6.32	7.44	4.46	5.00	6.16	
10hb April	12.28	3.43	6.32	7.44	4.46	5.00	6.16	
11hb April	12.27	3.42	6.32	7.44	4.45	4.59	6.14	
12hb April	12.27	3.42	6.32	7.44	4.45	4.59	6.14	
13hb April	12.27	3.42	6.32	7.44	4.45	4.59	6.14	
14hb April	12.27	3.42	6.32	7.44	4.45	4.59	6.14	
15hb April	12.27	3.42	6.32	7.44	4.45	4.59	6.14	

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah
Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2
waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei
di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

JAUH DARI NEKMAT SHORGA JIKA DERHAKA KPD IBU-BAPA

kin akan di-ampunkan
oleh Allah sa-lagi ia ti-
dak mendapat keam-
punan dan kemaafan
dari kedua orang tua
itu.

Rasulullah pernah
bersabda yang kira2
bermaksud: "Tiap2
dosa Allah tanggohkan
balasan-nya yang ka-
dang-kala sampai hari
kiamat kecuali per-
buatan derhaka kapa-
da ibu-bapa di-mana
Allah meleakakan sek-
sa-nya atas anak itu di-
dunia ini sa-belum ma-
ti-nya."

Ada pun perkara yang di-
sebut "derhaka" itu kerap
kali tidak di-sadari oleh
sa-orang anak, kerana ka-
dang2 ia-nya di-timbulkan
melalui perbuatan atau ke-
lakuan, perchakapan atau
tutor bichara dan sa-bagai-
nya. Sa-bagai mithalan, per-
buatan dan perchakapan

Bingkisan minggu ini

yang boleh mendatangkan
kederhakaan termasuk-lah
bilamana sa-orang anak itu
melepaskan tanggong-ja-
wab-nya kepada orang tua-
nya seperti tidak memberik-
kan nafkah atau keperluan2
hidup kepada mereka, ber-
chakap dengan kasar kapa-
da mereka, memekakkan
pengdengaran apabila mereka
ka memanggil dan sa-bagai-
nya.

Pendek-nya, sa-orang
anak itu akan menjadi der-
haka bilamana sa-tiap per-
buatan dan perchakapan
yang di-tunjukkan-nya bo-
leh menyinggong perasaan
atau melukakan hati sa-
orang ibu atau ayah.

Sayugia-lah untuk men-
jadi pengetahuan anak2 ba-
hawa di-antara bala ben-
chana yang akan di-timpa-
kan oleh Allah kepada anak
yang derhaka ia-lah di-sam-
ping ia-nya menjadi satu
maksiat dan dosa besar, ia
juga boleh menghindarkan
anak2 itu dari di-terima
segala amalan-nya dan yang
demikian akan terjauh-lah
ia dari nekmata shorga. Me-
reka juga di-hukumkan sa-
bagai penderhaka kepada
Allah dan Rasul-Nya dan
sa-sungguh-nya mereka
akan mendapat kutukan
Allah, kutukan rasul dan
kutukan para malaikat.

Buat akhir-nya, perhati-
kan-lah sa-buah hadith Ra-
sulullah s.a.w. yang di-riwa-
yatkan oleh Al-Bokhari
yang bermaksud:

"Barang siapa yang me-
nyukachitikan ibu-bapa-
nya sa-sungguh-nya ia me-
nyukachitikan Allah, dan
barang siapa yang menda-
tangkan ibu-bapa-nya ma-
rah, maka sa-sungguh-nya
ia juga menjadikan Allah
marah kepada-nya".



Berkursus di-Bangkok

DAYANGKU Siti Halimah bte PDP Pg Haji Apang, Pegawai Perusahaan Kampong Kanan di-Jabatan Pertanian kini berada di-Bangkok untuk menghadiri Kursus Pengenalan, Penyusunan dan Pelaksanaan Projek.

Kursus yang akan berakhir pada 25hb April itu ialah untuk meninggikan kemahiran2 pehak2 yang sedang dan akan terlibat dalam kemajuan dan pengenalan ranchangan.

Tujuan-nya ia-lah untuk mensuaikanakan para peserta dengan kemahiran2 melibatkan para wanita dalam proses mengenal kehendak2 mereka dan menyusun projek2 sa-bagai menyahut kehendak2 mereka itu.

Kursus Kemajuan Projek yang pertama telah diselenggarakan di-Goroka, Papua New Guinea pada bulan Ogos, 1979 untuk rantau kecil Pasifik. Ia-nya telah di-hadiri oleh 20 orang para peserta dari 6 buah negara2 Pasifik.

PERADUAN DUGAAN AKAL SEKOLAH2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan Dugaan Akal yang di-anjarkan oleh Bahagian Latehan Kesenian, Jabatan Pelajaran kali kelapan untuk Sekolah2 Rendah Melayu dan Persediaan Inggeris telah bermula pada 13hb. Mach lepas di-beberapa pusat pertandingan seluruh negeri.

Sa-banyak 28 buah sekolah menyertai peraduan itu dalam pemilihan awal untuk melayakkan diri ka-perengkat sa-paroh akhir dan tiga suku akhir.

Dua buah sekolah telah berjaya memasuki peraduan perengkat akhir sa-telah masing2 menewaskan lawan di-perengkat tiga suku akhir, yang terdiri dari SPI Pehin Dato Jamil akan bertemu dengan SPI Dato Gandi.

SPI Dato Jamil yang berjaya di-semua perengkat pemilihan berjaya menewaskan SPI.SUAS Muara di-perengkat tiga suku akhir manakala SPI Dato Gandi pula berjaya menewaskan SPI Keriam di-perengkat tiga suku akhir.

Kedua-dua sekolah akan bertemu di-perengkat akhir pada 24hb. Mei ini bertempat di-Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas.

Sementara itu dalam peraduan yang sama bagi sekolah2 menengah dan maktab2, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara akan bertemu di-perengkat akhir dengan Maktab Anthony Abell, Seria pada 12hb. April ini.

Peraduan yang akan berlangsung di-Sekolah Inggeris Berakas itu pada perengkat pemilihan-nya telah di-sertai oleh 15 buah sekolah menengah dan maktab sejak awal Mach lepas.

Awang Abdul Hamid bin Ismail, Pegawai Pentadbir Kanan, Jabatan Pelajaran di-jangka akan merasmikan peraduan perengkat akhir itu.



Wakil2 Pos

ADA-LAH di-maalomkan untuk pengetahuan ramai bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos, telah mengadakan wakil2 pos di-kawasan2 berikut mulai 1hb April, 1980.

- | | |
|--------------------------------|--|
| 1. Kg Kasat/Putut BSB | Awg Haji Dollah bin Namit
29 Kg Kasat
Brunei |
| 2. Sungai Liang Seria | Awg Chong Kie Aet
Kg Sungai Liang
Seria |
| 3. Kg Perpindahan Seria | Chop Tim Laum
Lot No. 3562
Kg Perpindahan, Jalan Badas
Seria |
| 4. Bukit Sawat Belait | Awg Lim Khing Soon
No. 7 Kg Bukit Sawat
Ulu Belait, Belait |
| 5. Batu 18 Jalan Tutong Brunei | Dy Melen Ebert
Batu 18½, Jalan Tutong
Brunei |
| 6. Jalan Berakas (Batu 6) BSB | Wahab's Shopping Centre
Batu 6 Jalan Berakas |
| 7. Kg Delima I BSB | Awg Ariffin bin Dato Haji
Hamidon
No. 44 Kg Delima I,
Jalan Muara, Brunei |
| 8. Kg Lumapas BSB | Awg Saban bin Haji Jumat
No. 28 A Kg Lumapas,
Brunei |
| 9. Kg Batu Marang Muara | Awang Abdul Rahman bin
Haji Naim
54 Kg Batu Marang
Brunei |

Ka-semua Wakil2 Pos ini akan menjual setem2, surat2 udara ringan, buku2 kecil setem dan lain2. Wakil2 Pos ini juga menerima benda2 yang berdaftar untuk di-pos.

Ka-semua penghantaran surat2 untuk kawasan2 tersebut di-atas akan di-buat oleh posmen2 seperti biasa kechuali di-Kampong Kasat/Putut, Sungai Liang, Kg Perpindahan, Bukit Sawat, Kampong Lumapas dan Kampong Batu Marang dimana penghantaran surat2 kepada orang ramai akan di-buat melalui Wakil2 Pos Kampong2 tersebut.

10 orang penuntut melanjutkan pelajaran ka-Singapura

BERAKAS. — Sa-ramai 10 orang penuntut termasuk lima orang perempuan yang telah lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Agama pada tahun lalu telah berlepas ka-Republik Singapura pada hari Khamis lalu untuk meneruskan pengajian mereka di-sana.

Penuntut2 tersebut akan di-tempatkan di-Sekolah Menengah Arab Al-Juned Republik itu sa-lama tiga tahun sa-belum meneruskan pengajian mereka di-Mesir nanti.

Mereka itu ia-lah Awang Abd. Aziz bin Haji Yusof; Awang Abd. Aziz bin Shamsuddin; Awang Omar bin Tahir; Awang Puasa bin Jumaat; Ak Bahrum bin Pengiran Bahar; Dayang Jamiah bte Haji Abd. Manaf; Dayang Siti Zaleha bte Abd. Salim; Dayang Saimah bte Sirabaha; Dayang Nor Zainab bte Buntar dan Dayang Siti Azizah bte Musa.

Turut mengemukakan selamat belayar kepada penuntut2 pada pagi itu termasuklah Penolong Pengusaha Pelajaran Agama, Awang Haji Abd. Hamid bin Daud dan Awang Abd. Kadir bin Awang, Nazir2 Sekolah2 Agama serta keluarga2 dan sahabat handai penuntut2 tersebut.

PERTUBOHAN Perkumpulan Perempuan Negeri Brunei (WI) telah mendermakan sa-keping cek bernilai \$500 dan keperluan alat2 dapur kepada mangsa kebakaran, Pengiran Mohd. Yusof bin Pengiran Anak Hashim.

Sumbangan derma berkenaan telah di-sampaikan oleh Datin Hajjah Masnah binte Haji Tuah, Pengelola WI Chawangan Muara ka-

pada Dayang Rosni bte Hj. Jaafar, isteri kepada Pengiran Mohd Yusof yang juga selaku ahli jawatankuasa WI Chawangan Muara (gambar atas).

Turut menyaksikan majlis penyampaian derma tersebut termasuklah Pengkurus WI, Dayang Hajjah Marhani binte Abdul Latif serta ahli2 jawatankuasa WI.

Kursus seberang laut anggota AMDB

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei ketika ini terus berusaha untuk meningkatkan pengalaman dan kemahiran perkhidmatan anggota-nya di-semua bidang ketenteraan dengan menghantar beberapa orang anggota pasokan itu menjalani berbagai kursus seberang laut termasuk ka-United Kingdom dan Singapura.

Pada 12hb. April ini, Sigar bin Apoi akan bertolak ka-United Kingdom untuk menghadiri tiga jenis kursus di-tiga buah pusat yang berasingan. Mulai 14hb. ini beliau akan memulakan kursus Bahasa Inggeris di-Somerset sahingga 6hb. Jun depan, manakala pada 9hb. Jun hingga 28hb. Nobember pula beliau akan mengikuti kursus Pre Standard Military: Pre SMC (E) 26 di-Beafield dan mulai 5hb. Januari, 1981 hingga 7hb. Ogos, 1981 pula beliau akan mengikuti kursus penonoh Pre SMC 26 di-Royal Military Airforces, Sandhurst.

Lt. Momin bin Abas dari Pasokan Angkatan Laut Pertama pula pada 14hb. April hingga 9hb. Mei depan akan menjalani kursus pegawai 203MT bersama rakan-nya PWII Yunos bin Lampir dari Batalion Kedua di-Leconfield, North Humber-side.

Tiga orang koprall yang terdiri dari Saili bin Metar-

sad dari Batalion Pertama, Musim bin Palau dari Batalion Kedua dan Kamis bin Muntol dari Bengkel Pasokan akan mengikuti kursus Panel Beater NCO. Kelas I mulai 14hb. April hingga 7hb. Jun. di-Ayer Rajah, Singapura.

Juga berkursus di-Singapura ia-lah perajurit Aziz bin Haji Japar dan perajurit Ramli bin Owing kedua-dua-dua-nya dari Batalion Pertama akan mengikuti kursus Mekanik Kenderaan Kelas II. Mereka akan menamatkan kursus tersebut masing2 sa-hingga bulan Oktober dan Ogos depan.

Manakala L.Koprall Pg. Tajuddin bin Pg. Burut dari Bengkel Pasokan akan menyertai kursus Gunfitter Kelas II di-Singapura sahingga bulan Ogos depan.

Lt. Rosli bin Ahmad dari Chawangan Udara pula akan mengikuti kursus Bahasa Inggeris di-Bridgeford sa-hingga 25hb. Mei dan kursus Eletek dan kelengkapan No. 33 di-Lincolnshire dari 27hb. Mei hingga 15hb. April, 1981.

Mejar Ashari bin Haji Ali dari Pasokan Angkatan Laut akan berkursus di-Royal Navy Staff College, London bagi kursus pegawai sa-lama sa-tahun.

Dan Koprall Abdul Jalil bin Haji Ahmad juga dari Angkatan Laut akan mengikuti kursus International Navigation di-Portsmouth sa-lama empat bulan.



AHLI2 Kelab Golf Mentiri telah mendermakan sa-jumlah \$1,645 kepada keluarga Allahyarham Awang Tunggal bin Metussin. Allahyarham Awang Tunggal ada-lah salah sa-orang pekerja di-Kelab Golf Mentiri yang telah mati lemas pada 12hb Mach yang lalu.

Sumbangan derma tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Dipertua Kelab itu, Pengiran Dato Paduka Sharifuddin bin Pengiran Metali kepada Dayang Rosni bte Metussin, kakak Allahyarham Awang Tunggal (gambar atas).

Turut menyaksikan penyampaian derma itu ia-lah Setiausaha kelab tersebut Awang Chua Peng Siong dan Bendahari Kelab itu, Dato Pike.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU — 9HB APRIL

11.10 PERLAWANAN GUSTI
12.00 SIARAN TAMAT.

JUMAAT — 11HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
5.30 SPREAD YOUR WINGS — Siri ini mengesahkan chara kemahiran2 khas yang di-pelajari oleh orang2 muda di-berbagai negeri di-dunia ini yang ingin menjadi pakar2 kesenian dalam pekerjaan2 yang mengikuti tradisi keluarga atau kebudayaan.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 DR WHO — "The Deadly Assassin" — Bahagian 4
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 DICK TURPIN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN — "Whose Little Hero Are You?"
7.44 AZAN ISHA
7.48 TRAPPER JOHN — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE PROFESSIONALS
9.40 THE FIRST ANNUAL AMERICAN MOVIE AWARDS. Siri khas dua jam ini telah di-tayangkan oleh NBC pada 11hb Februari 1980. Juruacara utama ia-lah David Frost di-bantu oleh Angie Dickinson dan Rudley Moore. Antara mereka yang turut mengambil bahagian ia-lah Clint Eastwood, Burt Reynolds, William Holden, Jane Fonda, Sally Fields, Richard Dreyfus dan The Muppets.
9.30 QUINCY
10.20 BIG LEAGUE SOCCER
11.10 SIARAN TAMAT.

SABTU — 12HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.26 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW SCOOPY DOO
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 WARISAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "The Dove Hunt" Jock dan J.R. chedera oleh tembakan misteri sewaktu memburu di-Louisiana.
7.44 AZAN ISHA
7.48 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MUTIKA — Pertandingan perengkat akhir (Siaran terus menerus) yang diadakan di-Dewan Raya.
10.00 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.45 BIG VALLEY
12.34 SIARAN TAMAT.

AHAD — 13HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.26 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 ROAD TO WEMBLEY
5.30 READING WITH LENNY
5.45 HANDFUL OF SONGS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOGI'S GALAXY GOOF-UPS
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 DON'T ASK ME



PELAKUN2 "Just Friends" termasuk-lah (tengah) Stockard Channing, (dari kiri) Mimi Kennedy, Lou Criscuolo, Gerrit Graham dan Sydney Goldsmith. Siri komedi sa-tengah jam ini di-tayangkan pada hari Ahad jam 8.50 malam.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "Side Show"
7.44 AZAN ISHA
7.48 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 JUST FRIENDS
9.00 AASC SINGING CONTEST
9.50 THE SEEKERS Randolph Mantooth sa-bagai Abraham Kent dalam kesah selanjut keluarga Kent — sambongan siri2 "The Bastards" dan "The Rebels."
11.50 SIARAN TAMAT.

ISNIN — 14HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE — "Frogs and Coudrons" Mumfie dan Scarecrow menipu ahli sihir wanita apabila ia mengubah Tom Tum menjadi sa-ekor katak.
5.15 MIGHTY HERCULES
5.30 TALES FROM 1,001 DAYS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "The Quest"
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 GRIZZLY ADAMS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS

7.44 AZAN ISHA
7.48 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 PUSPARAMA
9.40 ROAD TO MOSCOW
10.30 LOU GRANT — "Sweep"
11.10 SIARAN TAMAT.

SELASA — 15HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SKY — Episod 2. Alam semula jadi sedang memberontak terhadap Sky, si-pencheroboh.
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "Raid of the Space Octopus"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BLAKE'S SEVEN
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 BLAKE'S SEVEN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 A MAN CALLED SLOANE — "Shangri-la Syndrome"
7.44 AZAN ISHA
7.48 A MAN CALLED SLOANE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR: "Breakfast at Tiffany's"
11.15 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 10HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 A PLACE TO LIVE
5.15 ADVENTURES OF TIMOTHY PILGRIM
5.30 SPIDERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SALVAGE
6.32 AZAN MAGHRIB
6.36 SALVAGE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL
7.44 AZAN ISHA
7.48 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 SURVIVAL
10.20 GARRISON'S GORILLAS — "Friendly Enemies" The Gorillas mempunyai masa 24 jam untuk menyelamatkan banduan2 Amerika yang terpenjara di-sebuah bandar Itali yang di-tandakan untuk satu serangan udara besar2an.

MUTIKA '80: 12 PESERTA DI-PILEH KA-PERENGKAT AKHIR



EMPAT dari 12 orang peserta yang akan bertanding merebut juara Mutika '80. Pengenal gambar dari atas kiri: M. Noordin, Ak Osman, Tuminam Timbang dan Rokaini Haji Talip. Ke-empat2 peserta ini juga finalist dalam pertandingan Mutika 79.

KITA telah pun menyaksikan sa-ramai 24 orang peserta bertanding dalam empat siri ranchangan sa-paroh akhir Mutika '80. Dari jumlah tersebut sa-ramai 12 orang peserta telah pun di-pileh oleh jemaah2 hakim melayakkan diri untuk bertanding dalam acara kemunchak perengkat akhir pada hari Sabtu, 12hb April, 1980 mulai jam 8.30 malam. Pertandingan tersebut akan di-siarkan terus menerusi melalui talivishen.

Penyanyi2 yang terpilih ia-lah:—

1. Dk Fridah Pg Damit
2. Abu Bakar Paun
3. Ak Zainalabidin Pg Puteh
4. Jasni Buntar
5. Saadiyah Haji Ghazali
6. Mohd Alias Mohammad
7. M. Nordin

8. Hamidah Jamuddin
9. Ak Azahari Pg Haji Damit
10. Tuminam Timbang
11. Rokaini Haji Talip
12. Ak Osman Pg Damit.

Siapa-kah di-antara 12 orang peserta2 ini yang akan menjadi juara tahun ini? Dan siapa-kah di-antara mereka2 ini akan mewakili Brunei dalam Pertandingan Nyanyian Amator Asia yang akan berlangsung di-Hongkong pertengahan bulan Mei akan datang?

Datang-lah beramai-ramai menyaksikan acara kemunchak pertandingan ini di-Dewan Raya RTB pada hari Sabtu 12hb April, 1980 mulai jam 8.30 malam.

Di-samping itu kemunchak pertandingan ini juga akan di-meriahkan lagi dengan be-

berapa tarian persembahan penari2 RTB dan juga artis undangan dari Bangkok, Dayang Nanthida Keawbuasai Juara Pertandingan Nyanyian Amator Asia tahun 1978.

Tiket2 perchuma untuk menyaksikan pertandingan ini boleh-lah di-dapati di-tingkat bawah bangunan RTB di-bahagian Kawalan Keselamatan.

Sementara itu pada hari Ahad 13hb April, 1980 Konset RTB juga akan berlangsung di-Dewan Raya mulai jam 8.00 malam. Dalam Konset tersebut beberapa orang penyanyi2 tempatan dan artis2 undangan dari luar negeri akan bergabung untuk memeriah ranchangan tersebut.

Tiket2 perchuma untuk menyaksikan Konset tersebut boleh-lah juga di-dapati di-Tingkat bawah bangunan RTB di-bahagian Kawalan Keselamatan.



CESARE Danova, Ron Harper dan Chris Carey pelakon2 dalam Garrison Gorillas yang di-tayangkan pada hari Khamis jam 10.20 malam.

Tayangan gambar hari Selasa

MISS Holly Golightly (Audrey Hepburn) ada-lah sa-orang "playgirl" New York, yang berdiri di-kaki lima di-luar kedai per-mata Tiffany yang terkenal, sambil memakan sa-keping roti, meminum kopi dan memerhatikan per-mata2 bernilai di-chermin2 tingkap. Salah sa-orang jiran-nya ia-lah Paul Varjak (George Peppard), sa-orang penulis muda yang "di-jamin" oleh sa-orang wanita hartawan (Patricia Neal). Paul ter-pikat dengan Holly dan mula jatoh cinta pada-nya. Bagaimana pun, ia lebeh menyukai sa-orang jutawan Brazil, Jose de Silva Perreira (Villalonga).

Holly menyara hidup-nya dengan membuat lawatan mingguan ka-Sing Sing Prison untuk menemui Sally Tomato (Alan Reed), sa-orang bekas penjahat, dengan di-bayar \$100.

Dari kisah lama, munchol pula sa-orang doktor kuda dari Texas.

Satu skandal terjadi. Akhirnya, cinta dan sa-fahaman jua yang berkekalan (jika lelaki rapat memahami Holly). Miss Golightly tidak pula mengikut Jose tetapi mengikut Paul Varjak.

GAMBAR atas kanan kelihatan salah satu adigan dalam "Breakfast At Tiffany's" yang akan di-tayangkan pada hari Selasa jam 9.15 malam. Para pelakon terdiri dari Audrey Hepburn sa-bagai Holly Golightly, George Peppard sa-bagai Paul Varjak, Patricia Neal sa-bagai "E" dan Doc Golightly sa-bagai Buddy Ebsen.



Making A Home

AWANG Idris bin Haji Abas (left), an architect from the Public Works Department had given a talk on House Design and Planning in the Tropical region on a previous edition of Making A Home programme. This week he will talk about Landscape for homes in Brunei, and apart from that, Mr Tom Butcher, a professional architect, will continue his talks on choice of building materials for your home.

This programme can be heard through the English Service of Radio Brunei, on Saturday, 12th April, at 12.45 pm, and will be repeated next Wednesday, at 9.30 pm.



Antisari RTMB Minggu ini



SISWAZAH BRUNEI

SISWAZAH BRUNEI minggu ini ialah Pengiran Maidin bin Pg Hashim, Pemangku Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais, Brunei.

Pengiran Maidin lulus dengan ijazah B.Sc (Hons) dalam bidang ekonomi dari Universiti Hull, United Kingdom.

Ikuti-lah temuramah kami dengan beliau pada hari Ahad 13hb April, 1980 jam 11.00 pagi dan ulangan-nya pada hari Rabu jam 7.30 malam.

RANCHANGAN TVP DARI 14HB HINGGA 19HB APRIL

Oleh kerana chuti sekolah, siaran ranchangan Kap Kap Udang tidak akan di-siarkan pada sebelah pagi. Siaran pada sebelah petang berjalan seperti biasa.

ISNIN — 14HB APRIL

PAGI

4.30 KAP KAP UDANG 61
Di-dalam ranchangan kali ini kanak2 akan dapat menyaksikan aktiviti2 seperti MARI BERLAKON, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut MARI BERLAKON, Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan berlakon membuat kerja2 di-tempat membeli minyak.
Di-sudut KERJA TANGAN, Che'gu Sa'diah akan menunjukkan satu kerja tangan daripada sampul surat.
Pesanan SI-MANIS kali ini ialah menasehatkan kanak2 supaya duduk dengan tertib sa-masa kereta sedang berjalan. Jangan sekali-kali berdiri waktu kereta bergerak.
Di-HALAMAN BERCHERITA, Che'gu Sa'diah akan membacakan buku bertajuk 'Almari Permainan Si-Henry'.
Pada akhir ranchangan Che'gu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 di-dalam CHERMIN SAKTI-nya.

SELASA — 15HB APRIL

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 62
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 seperti NAIK KUDA, LIHAT

DAN PERHATI, PAK LONG, AMIN, KETUA KESELAMATAN, PETI SURAT dan CHERMIN SAKTI.

Di-halaman NAIK KUDA, Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan menonggang kuda pergi ka-tempat menjual minyak.
Di-sudut LIHAT DAN PERHATI pula menunjukkan pada kanak2 benda2 yang mereka nampak di-tempat menjual minyak.

KETUA KESELAMATAN mengajar kanak2 supaya berhati-hati bila menyeberang dan tempat2 khas untuk menyeberang.

Pada akhir ranchangan Che'gu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 di-dalam CHERMIN SAKTI-nya.

RABU — 16HB APRIL

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 63
Di-dalam ranchangan kali ini, Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERSEKAM, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMINAH, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut HALAMAN BERCHERITA Che'gu Sa'diah akan membacakan buku bertajuk "Quack".
Pada akhir ranchangan seperti biasa Che'gu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 di-dalam CHERMIN SAKTI-nya.

KHAMIS — 17HB APRIL

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 64
Di-dalam ranchangan kali ini kanak2 akan dapat menyaksikan aktiviti2 seperti BERMAIN MUSIK, LUKISAN DARI RUMAH, BERMAIN BAKUL, BERMAIN BELON, KAJIAN SEMULA JADI, dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut KAJIAN SEMULA JADI, Che'gu Sa'diah akan mengajar nama sayur-sayuran daun seperti kangkong, bayam, sawi dan lain2.
Pada akhir ranchangan Che'gu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 di-dalam CHERMIN SAKTI-nya.

SABTU — 19HB APRIL

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 65
Di-dalam ranchangan kali ini, Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 seperti IKUT KETUA, YANG MANA SATU GANJIL, AMIN BERMAIN KERUSI, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-HALAMAN BERCHERITA kali ini Che'gu Sa'diah akan membacakan buku bertajuk "Croak". Croak ia-lah sa-ekor katak yang tidak pandai berenang. Kawan2-nya ia-itu anjing, tikus dan babi menchari ikhtiar bagaimana hendak menyuroh-nya berenang.
Pada akhir ranchangan Che'gu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 di-dalam CHERMIN SAKTI-nya.



HUCKLEBERRY Hound sempat juga beristirehat walau pun Quack-Up memandu kenderaan mereka dalam siri animasi pernerbangan yang menggelikan hati—Yogi's Galaxy Goof-ups—yang akan dapat awda saksi-kan pada tiap2 hari Ahad jam 6.05 petang (gambar kanan).

* * *

Pemilihan bagi Peraduan Nyanyian Bintang Kechil Radio '80 daerah2 telah pun selesai di-jalankan. Peserta2 yang terpilih akan di-umumkan kemudian dan peraduan pemilihan bagi perengkat daerah akan di-jalankan dalam pertengahan bulan Mei depan.

Gambar kiri kelihatan salah-sa-orang peserta dari Daerah Temburong yang menyertai peraduan pemilihan baru2 ini.



Kumpulan pencharagam dari Sabah di-undang menjayakan Pencharagam Tanah Ayer

BAHAGIAN Melayu RTB telah mengundangi sa-buah kumpulan pencharagam dari Sabah—Unlimited Combination—yang di-pimpin oleh Basri Mohiddin.

Kumpulan tersebut di-undang khas untuk merakamkan beberapa buah rakaman pencharagam untuk di-siarkan dalam ranchangan mingguan "Pencharagam Tanah Ayer" dan juga untuk ranchangan khas Hari Raya Aidil Fitri yang akan datang.

Salah sa-orang dari kumpulan itu, Dayang Amnah bte Haji Mohd Noor juga telah di-undang bagi menjayakan ranchangan Combo RTB pada 30hb Mach lalu yang di-siarkan sa-chara langsung dari Studio B. Dayang Amnah pernah menjadi juara Bintang RTM Berkumpulan.

Turut serta dalam rombongan Kumpulan Unlimited Combination itu ia-lah bekas johan Bintang RTM Bahagian Asli Seluruh Malaysia, M. Y. Ahmad (kanan sekali).

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Minggu Ini (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Pilehan Ku; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph Pendengar. T/HARI: 12.00 — Surat Dari London; 12.15 — Senandung Ria — Azan Dzohor; 12.30 — Senandung Ria; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Al-Kisah; 1.30 — Sa-Iring Jalan. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu Di-Tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandung Asli; 6.00 — Mukkaddam — Azan Maghrib (menunaikan sembahyang); 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Dalam Kenangan (SU); 7.30 — Dendang Tumasek; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Pesta Ria/Suara dari Bintang2 (SU); 9.00 — Majallah Shell (SU); 9.30 — Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Melody Adek ku (SU); 9.00 — Tafsir Al-Koran; 9.30 — Rampaian Sari Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan; 10.30 — Al-Kisah; (SU); 11.00 — Lagu2 Asli Asia; 11.30 — Chitrawara. T/HARI: 12.00 — Lagu2 Panduan (Duty Ann) — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu-kah Awda; 1.30 — Mari Menyanyi. PETANG: Siaran Melayu Di-Tamatkan; 5.00 — Majallah Ugama/Kemuskilan Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Lagu2 Dakwah; 6.00 — Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Permainan Gambus; 7.30 — Hidayat — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwar Radio (SU); 9.00 — Permintaan Malam Khamis; 9.30 — Tetamu Minggu Ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 9.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Diang Dangan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan Di-Udara; 10.30 — Dari Kampong

APA PILEHAN AWDA



DAYANG Junaidah binte Haji Abdul Hamid, Kampong Pancha Delima, Berakas mendapat peluang untuk memilih lagu2 kegemarannya dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Lagu2 pilehan Dayang Junaidah akan ka-udara melalui Radio Brunei pada hari Ahad, 13hb April jam 9.30 pagi.

Ka-Kampong; 11.00 — Kursus Al-Koran; 11.30 Keluarga Jaya. TyHARI: 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 — Bachaan Al-Koran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). PETANG: 2.15 — Varia Peristawa; 2.30 — Combo RTB/Sinar Chahaya; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Tafsir Al-Koran — Azan Asar; 4.00 — Bahas Ka-Sekolah; 4.30 — Chitrawara; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Hiboran; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Soalan Di-Udara; 8.30 — Dendang antara Bangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran; 10.30 — Sa-Iring Jalan (SU); 11.00 — Majallah Shell; 11.30 — Berdendang Dengan Ku. T/HARI: 12.00 — Dunia Minggu Ini — Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujung Minggu. PETANG: 2.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Hiboran Pilehan; 3.30 — Cherpen dan Salokan (SU) — Azan Asar; 4.00 — Bersama Kami; 4.30 — Chitrawara; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandung lagu2 lama; 6.00 — Siri Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM: 7.00 — Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30 — Lagu2 Asli Asia

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits In Germany. PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Shape of Future; 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Making A Home (repeat); 10.00 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; 11.45 — World of Education. NOON: 12.30 — News; 12.45 — Are Mothers Necessary? Programme 3: "The Competent Infant"; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Theatre Forty-Five: "What Every Woman Know" by J. M. Barrie; 9.00 — Dancing String; 9.15 — News; 9.30 — Popular Classic — Programme 24 "Orchestral" (light) by Hajjah Zainah; 10.00 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — An Ordinary Pebble by

(SU) — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Purbawara; 9.00 — Tunas Pendidek (SU); 9.30 — Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45 — Rampaian Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop Minggu Ini; 9.00 — Teman Mekar; 9.30 — Apa Pilehan Awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30 — Pencharagam Tempatan; 11.00 — Siswazah Brunei; 11.30 — Album Penyanyi. T/HARI: 12.00 — Sandiwar Radio — Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Suara Bintang/Pesta Ria; 1.30 — Ruangan Ketani; 1.45 — Pilehan Instrumental. PETANG: 2.00 — Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun — Azan Asar; 3.45 — Sokan dan Olahraga; 4.15 — Dari Sekolah Ka-Sekolah; 4.45 — Pilehan Juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mari Berzikir; 6.50 — Bingkisan Hari Ini (SU). MALAM: 7.00 — Suara Parajurit — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Gurindam Jiwa; 9.00 — Tahu-kah Awda (SU); 9.30 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi; 10.07 — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dalam Kenangan; 8.30 — Rampaian Sari Hiboran; 9.00 — Antara Bangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita;

10.15 — Berdendang Dengan Ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer. T/HARI: 12.00 — Komintang Radio; 12.15 — Rampaian Tengah Hari — Azan Dzohor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai; 1.30 — Tunas Pendidek. PETANG: 2.00 — Siaran Melayu Berhenti Rehat. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita 5.45 — Senandung Lagu2 Lama; 6.00 — Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Penyanyi Harapan; 7.30 — Bersama Kami (SU) — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Pertanian dan Perikanan; 9.30 — Dendang Muzika Melayu; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00 — Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Al-Koran dan Makna-nya; 6.30 — Dendang Suria; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Melody Adek-ku; 11.00 — Salam Mesra; 11.30 — Sekolah Ka-Sekolah. T/HARI: 12.00 — Ku Sampaikan Salam — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu Minggu Ini; 1.30 — Gurindam Lagu (SU). PETANG: 2.00 — Siaran Melayu Berhenti Rehat. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran Petang; 6.00 — Mukkaddam — Menunaikan Sembahyang Maghrib; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Album Penyanyi (SU) — Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun dan Iban; 8.30 — Pancharagam; 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Hiboran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi — Bachaan Al-Koran; 10.25 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu Di-Tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGERIS

Joan Hart; 11.45 — Light Music From the Netherlands. NOON: Radioscope by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — A Hundred Years of Dance Music: Revolution on the Dance Floor; 1.15 — Portraits From Memory — Prog 1 "Sir Compton Mackenzie Remembers Kaiser William II"; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — From School to School (repeat); 8.30 — Calling On You by Tajul Ahmad; 9.00 — Kai Warner Singers and Orchestra; 9.15 — News; 9.30 — The Pickwick Papers; 10.00 — Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Sweet and Stylish; 11.30 — International Call. NOON: 12.00 — Many A Slip. PM: 12.30 — News; 12.45 — Making A Home produced by Nafisah Haji Ali; 1.15 — BBC World Report; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club: A Handful of Dust by Evelyn Waugh; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Top of The Pops (repeat). NOON: 12.00 — Women's World by Charan Chand. PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Animal, Vegetable or Mineral; 1.30 — Close Down. 8.00 —

Opening Announcement — Are Mothers Necessary? Programme 3: "The Competent Infant" (repeat); 8.45 — The Young Sound by Tajul Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. NOON: 12.00 — I am Sorry I'll read that again. PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15 — Travel Log by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Bee Gees Story — Part I; 8.45 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special; 11.45 — Just A Minute; NOON: 12.15 — Shape of the Future by Viviyanti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — Strictly Instrumental; 1.00 — The Bee Gees Story Part 2: (a) "Break Up To Make Up" 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special "Renaissance" Side 1; 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Animal, Vegetable or Mineral (repeat); 10.00 — Close Down.

MINGGU SUAI KENAL PTE

GADONG. — Sa-ramai 359 orang penuntut baru Pusat Tingkatan Enam telah menjalani Minggu Suai Kenal sa-lama lima hari yang bermula pada hari Rabu 2hb. April yang lalu sa-belum mereka mengikuti pengajian selama dua tahun di-pusat berkenaan.

Minggu Suai Kenal yang di-anjurkan oleh Ahli2 Jawatankuasa Minggu Orientasi Pusat Tingkatan Enam bagi tahun 1980 itu telah di-rasmikan oleh Awang Janin bin Erih, Timbalan Pengetua Pusat tersebut yang telah di-adakan di-Dewan Makan pusat itu pada pagi Sabtu yang lalu.

Turut hadir di-upacara pembukaan rasmi itu termasuklah Pengetua pusat itu, Awang Dennis bin Haji Roslee serta pegawai2 kanan dari Jabatan Pelajaran dan pendarahan yang lain-nya di-pusat tersebut.

Sa-orang juruchakap ahli jawatankuasa Orientasi memberitahu kepada Pelita Brunei minggu ini bahawa tujuan di-adakan Minggu Suai Kenal itu ada-lah untuk menyesuaikan penuntut2 baru dengan keadaan pusat tersebut di-samping untuk mengeratkan tali silaturrahim di-antara penuntut2 baru dengan penuntut2 yang sedia ada di-pusat itu.

Juruchakap itu menambatkata, di-samping itu Minggu Orientasi juga ada-lah bertujuan untuk menggalakkan penuntut2 baru supaya akan patuh kepada segala peraturan2 yang telah di-sediakan oleh ahli2 jawatankuasa sesuai dengan nama pusat itu sa-bagai sa-buah pusat pengajian tinggi di-Negeri Brunei Darussalam.

Sa-panjang di-adakan Minggu Suai Kenal itu beberapa ator-achara yang menarik telah di-jalankan antara-nya termasuklah kempen kebersihan; sokan dan olahraga; kuliah suboh; menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat; dan lain-lain lagi achara yang berupa hiburan dan permainan.

Di-samping itu pada tiap2 malam Minggu Orientasi itu di-jalankan di-adakan pula achara2 yang berupa malam Ugama yang di-anjurkan oleh Badan Agama dan Akhlak (BA-DA); Perkumpulan Bahasa dan Sastera yang di-anjurkan oleh Badan Bahasa dan Persuratan Melayu serta Pementasan yang berupa hiburan yang di-anjurkan oleh kelab F & N pusat tersebut.

J-kuasa Persatuan Pendidekan Sains Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pendidekan Sains Brunei telah melantek sa-ramai lima orang ahli2 jawatankuasa tertinggi-nya yang baru bagi tahun 1980.

Lantekan tersebut telah di-buat dalam mashuarat-nya yang berlangsung di-Bilik Kuliah Bangunan Tugu Peringatan Churchill di-sini baru2 ini.

Ahli2 yang di-pilih ia-lah Awang V. C. Liew selaku Pengerusi, Dk Mariam Pengiran Haji Matarsat selaku Naib Pengerusi, Awang C. R. Netto selaku Setiausaha Kehormat, Awang Abdul Razak Haji Metassan selaku Penolong Setiausaha Kehormat dan Ak Zaini

bin Pg Haji Kamaluddin selaku Bendahari Kehormat.

Lima orang telah di-lantek sa-bagai ahli2 jawatankuasa. Mereka ia-lah Awang Urmston, Lt Marzuki Haji Ahmad, Awg G. Clarke, Awg T. K. Goh dan Dyg Hong Geok Cheng.

Persatuan Pendidekan Sains Brunei telah pun di-terima menjadi ahli Majlis Antarabangsa Persatuan bagi Pelajaran Sains yang beribu Pejabat di-London.

Matalamat utama bagi persatuan itu ada-lah untuk mengembangkan dan memperbaiki chara2 mengajar mata2 pelajaran sains di-kalangan guru2 sains di-negeri ini.

Usaha2 tersebut di-jalankan dengan menganjurkan kursus2 sains bagi mereka yang berkenaan di-mana dengan itu mereka akan lebih mengerti tentang sa-suatu tajuk yang bersangkutan dengan pelajaran yang mereka sampaikan.

Persatuan juga mengadakan cheramah2 untuk memberi pengetahuan tentang perkembangan2 terbaharu dalam dunia sains dan teknologi di-

samping menganjurkan berbagai2 lawatan ka-tempat2 yang berchorak saintifik sama-ada di-dalam mahu pun di-luar negeri.

Bagi penuntut2, mereka juga menganjurkan Peraduan Projek Sains yang terbuka kepada pelajar2 sekolah2 menengah bawah dan atas serta pelajar2 pengajian teknikal.

Selain dari itu persatuan tersebut juga berusaha membentok 'penal sains' yang bertujuan untuk membuat pengajian sains di-negeri ini di-mana dengan itu nanti akan memajukan lagi kemajuan sains. Apa yang membanggakan ahli2 persatuan ia-lah mereka telah pun berjaya menyusun majalah sains yang di-terbitkan sa-tahun sekali.

Setakat ini Persatuan Pendidekan Sains mempunyai 66 orang ahli dan pehak-nya kini memelihara sesiapa yang ingin menjadi ahli. Mereka yang ingin menjadi ahli boleh-lah menghubungi Setiausaha Kehormat-nya beralamat, Pusat Sains, Bt 5, Jalan Berakas atau melalui talipon 25978.



Ahli2 Jawatankuasa Persatuan Pendidekan Sains Brunei yang baru.

Pertandingan Nashid

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama akan menganjurkan pertandingan nashid yang terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan, badan2 penuntut sekolah menengah atas, maktab2 dan kelas2 dewasa ugama, Al-kor'an dan Zikir.

Pertandingan tersebut di-adakan sempena Sambutan Isra' Me'raj tahun 1400/1980 dan akan di-jalankan dalam tiga peringkat.

Peringkat daerah bagi memilih wakil2 ka-pering-

kat sa-paroh akhir, peringkat sa-paroh akhir bagi memilih wakil2 ka-peringkat akhir dan peringkat akhir bagi memilih johan pertandingan nashid bagi tahun ini.

Borang2 penyertaan serta keterangan lanjut berbubong dengan pertandingan tersebut boleh di-perolehi di-Pejabat Ugama di-daerah masing2. Di-Daerah Brunei dan Muara borang2 boleh juga di-perolehi dari Bahagian Penerangan dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama.

PASOKAN Askar Melayu Di-berkenaan kepada Lt Abd Manaf bin Hj Kamis, Penolong Pengarah Pasokan Pencharagam AMDB.

Terdahulu dari itu pada hari Rabu, 19hb Mach sa-ramai 35 orang penuntut dari Sekolah Pertukangan Bangunan Saiful Rizal, Jalan Muara yang menjajani minggu orientasi telah melakukan lawatan memerhati sambil belajar ka-beberapa unit pasokan AMDB.

Gambar kanan memperlihatkan sa-bahagian dari penuntut2 ketika memerhati sa-bahagian dari peralatan tentera yang dipergunakan oleh pasokan AMDB di-Perkemahan Berakas. (Gambar2 AMDB).

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 3hb April, 1980.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. PUSU KERING — \$4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- Ghee Guan, No. 4, Jalan McArthur.
- A. Seah Mohammad, No. 52, Sultan Lama.
- Chop Hiap Kee, No. 1, Sultan Lama.

2. KACHANG KUDA — \$1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- Liong Yu Company, No. 58, Jalan Sultan.
3. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

a) Sharikat Haji Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.

KUALA BELAIT

1. PUSU KERING — \$4.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- Chiong Kee, No. 1-A, Jalan Pretty.
- Eng Soon Seng, No. 58, Jalan Pretty.
- Ng Ming Hong, No. 101, Jalan McKerron.

2. KACHANG KUDA — \$2.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

- Koh Kit Hin, No. 28, Jalan Pretty.
 - Teo Heng Ong, No. 45, Jalan Pretty.
 - Foh Soon, No. 60-A, Jalanu Pretty.
3. UBI KENTANG — 80 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

a) Chop Hwa Min, No. B, Bangunan Dewan Perdagangan China.

SERIA

1. PUSU KERING — \$4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

a) Chop Nam Wah, No. 64, Jalan Bunga Kenanga.

2. KACHANG KUDA — \$1.90 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

a) Siong Huat, No. 1, Jalan Bunga Kemantin.

3. UBI KENTANG — 85 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—

a) Yick Fatt, Lot 2660, Jalan Sultan Omar Ali.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 9hb hingga 15hb April 1980

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis	9.4.1980	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalan Batu	9.4.1980	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	9.4.1980	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Birau	12.4.1980	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	12.4.1980	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	12.4.1980	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Ingeris Berakas (Bahagian Rendah)	14.4.1980	Isnin	2.00- 3.00 "
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	14.4.1980	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	15.4.1980	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak	15.4.1980	Selasa	10.30-11.30 "

TEMASHA SOKAN SEKOLAH INGGERIS SUFRI BOLKIAH



TUTONG. — Sekolah merupakan tempat yang chuchok dalam memupok semangat kesukanan di samping untuk mengemban dan meninggikan tarafnya di negeri ini.

Dengan demikian penuntut2 yang berada di bangku sekolah ada-lah di-sifatkan sa-bagai warganegara yang akan datang yang di-harap tenaga mereka dalam bidang pentadbiran dan pembangunan oleh kerajaan.

Beruchap di-temasha sokan tahunan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah di-sini petang Sabtu, 29hb. Mach lepas Awg. Hj. Chuchu bin Datu Penglima Asgar Hj. Abdullah, Pegawai Daerah Tutong menjelaskan sokan di-negeri kita maseh dalam peringkat perkembangan-nya dari yang telah di-chapai oleh negara2 maju.

Bagaimanapun untuk menambahkan taraf kesukanan yang lebih tinggi Awg. Hj. Chuchu berkata beberapa langkah telah diatur oleh kerajaan umpamanya dengan menghantar ahli2 sokan menyertai kesukanan antarabangsa di-

luar negeri.

Awang Haji Chuchu menambah berbagai-bagai kemudahan sokan telah juga di-adakan seperti menyediakan kompleks sokan dan dewan2 permainan yang dilengkapi dengan alat2 permainan.

Untuk itu beliau memberitahu, Daerah Tutong juga tidak ketinggalan akan mempunyai kelengkapan sokan yang di-kehendaki pada masa akan datang, tetapi kemudahan tersebut perlu-lah di-jaga dan di-pelihara.

Salah satu acara dalam temasha itu ialah lumba lari berganti-ganti jempunan sekolah2 yang di-menangi oleh Sekolah St. Angela's, Seria dalam bahagian lelaki dan Maktab SOAS (Atas) dalam bahagian perempuan.

Kejohanan temasha sokan antara Rumah2 telah di-menangi oleh Rumah Penglima Perkasa, tempat kedua Rumah Menteri Gambar dan ketiga Rumah Bendahari Badar.

Dayang Hamidah binte

Bungsu dari Rumah Bendahari Badar dan Awang. Franchis Thomas dari Rumah Penglima Perkasa masing2 terpilih sa-bagai peserta sokan terbaik dalam bahagian lelaki dan perempuan tahun 1980.

Sementara peraduan menghias antara Rumah2 yang bertanding, Rumah Penglima Perkasa memenangi tempat pertama, Rumah Menteri Taib tempat kedua dan Rumah Bendahari Badar tempat ketiga.



DENGAN penuh tenaga dan azam peserta2 ini chuba mengatasi satu sama lain.

Keputusan Rentas Desa Sa-Negeri

PEKAN TUTONG. — Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim Tutong telah muncih sa-bagai johan dalam bahagian lelaki Menengah Atas dalam perlumbaan rentas desa peringkat sa-negeri bagi sekolah2 menengah dan maktab2 serta sekolah2 rendah kerajaan yang telah di-langsungkan di-Padang Arena Sokan sekolah tersebut di-sini pada hari Isnin 31hb. Mach lalu.

Tempat kedua dalam bahagian ini telah di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Muhammad Jamalul Alam dan tempat ketiga di-menangi oleh Pusat Tingkatan Enam. Gadong. Kedua2-nya dari Daerah Brunei dan Muara.

Sementara dalam bahagian perempuan pula johan telah di-sandangi oleh Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dari Daerah Tutong, kedua jatuh kepada Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara dan ketiga di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Muhammad Jamalul Alam, kedua2-nya dari Daerah Brunei dan Muara.

Dalam bahagian Sekolah2 Menengah Bawah sa-ramai 13 buah sekolah telah mengambil bahagian yang mana ia-nya di-bahagikan kepada lima kumpulan ia-itu lelaki A, lelaki B, lelaki C, perempuan A dan perempuan B.

Bahagian lelaki A johan telah di-sandangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Lumapas, kedua di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring dan ketiga di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Bokok, Temburong.

Manakala bahagian kumpulan lelaki B pula. Johan telah jatuh kepada Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar, kedua Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong dan tempat ketiga di-menangi oleh Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan

dan Sekolah Sains, Jalan Muara. Sementara dalam bahagian lelaki C tempat pertama telah di-menangi oleh Maktab Anthony Abell, Seria, kedua Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (Menengah Bawah) dan tempat ketiga jatuh kepada Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Sekolah Persediaan Inggeris Pangkalan Batu pula telah muncih sa-bagai johan dalam bahagian Sekolah Menengah Bawah bagi perempuan A, kedua di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring dan ketiga Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong. Sementara bahagian perempuan B johan telah jatuh kepada Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong, kedua Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Bangar dan ketiga Sekolah Inggeris Berakas.

Dalam bahagian sekolah2 rendah pula. Tempat pertama telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Sultan Hashim, Batu Apoi, kedua Sekolah Melayu DMS, Dian Sukang dan ketiga Sekolah Melayu Supon dalam bahagian lelaki. Bahagian perempuan pula johan di-menangi oleh Sekolah Melayu Supon, kedua Sekolah Melayu Kenua dan ketiga Sekolah Melayu Buau.

Lebih daripada 400 orang penuntut dari sekolah2 menengah dan maktab serta sekolah2 rendah telah mengambil bahagian dalam perlumbaan pada petang itu. Ia-nya telah di-anjurkan oleh Bahagian Pendidikan Jasmani, Jabatan Pelajaran.

Hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat, Awang Chong Seng Toh.

Keputusan perlumbaan adalah seperti berikut:

Lelaki Rendah: 1. Shamsudin Ghapar, Batu Apoi, Temburong; 2. Tegok Manggi, Sukang Belait; 3. Rosli Awang, Btg. Mitus.

Perempuan Rendah: 1. Rohani Gumpol, S.M. Panchong; 2. Zainab anak Untam, S.M. Supon; 3. Ulan Ulat, S.M. Sukang.

MENENGAH BAWAH

Lelaki 'A': 1. Ak Husaini Pg Osman, Amar Pahlawan; 2. Aji bin Haji Abd Rahman, Lumapas; 3. Daud Mohd Noor.

Lelaki 'B': 1. Luta Sabang, SPI Tutong; 2. Abu Bakar Abdullah, SPI Dato Gandi; 3. Sahar Thomas, SPI Tutong.

Lelaki 'C': 1. Mazlan Engin, AAC; 2. Faisal Haji Md Yusof, SOAS 'J'; 3. Juni Engkap SBES.

Perempuan 'A': Siti Rohaya Haji Dagang, SPI Peng Batu; 2. Masni Angis, SPI Peng Batu; 3. Norinah Ismail, SPI Peng Batu.

Perempuan 'B': 1. Rozita Md Taib, SMMMH; 2. Rosnah Mohamad, SMMMH; 3. Munah Aji SMMMH.

MENENGAH ATAS

Lelaki: 1. Nyanggau Tabob SMMMH; 2. Junit Adoh SMMMH; 3. Suhaili Haji Majid, SMJA.

Perempuan: 1. Buntar Tahirudin, SMJA; 2. Siti Masnoyah, SBES; 3. Merid Apih SBES.

Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Chator

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Chator Brunei telah mengadakan Mashuarat Agung-nya kali yang ketiga bertempat di-Bilik Kuliah Dewan Bahasa dan Pustaka di-ibu negeri di-sini pada hari Ahad 23hb. Mach lalu.

Mashuarat pada pagi itu telah melantek sa-ramai 10 orang ahli2 Jawatankuasa biasa bagi tempoh tahun 1980 dan 1981.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibol Karib Pengiran Anak Idris ibni Almarhum Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Muda Abdul Kahar telah di-lantek selaku Penaong bagi persatuan tersebut.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusoff bin Pengiran Mohd Limbang di-lantek sa-bagai Yang Dipertua sementara Yang Amat Mulia Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammad di-lantek selaku Timbalan Yang Dipertua.

Setia Usaha ia-lah Awang Anthony Chin; Penolong Setia Usaha — Awang Muhammad bin Haji Wasli; Bendahari — Pengiran Mohd Limbang bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Mohd. Yusoff; Pengarah Pertandingan — Awang Asnawi bin Haji Abdul Halim dan Awang Muhammad bin Haji Damit sementara itu pemereksa kira2 ia-lah Awang Md. Daud bin Haji Sablee dan Awang Apong bin Tuah.

Ahli2 jawatankuasa biasa terdiri dari Awang Fu Chee Ying; Awang Morshidi bin Haji Mohd. Salleh; Pengiran Kamaluddin bin Pengiran Rabaha; Pengiran Badaruddin bin Pengiran Rabaha; Dayang Lalita Kamblee; Awang John West dan Awang Abd Rahman bin Haji Metahir.



PERLUMBAAN lari berganti2 antara rumah2 seperti kelihatan di-gambar atas ada-lah antara acara sokan yang di-pertandingkan.

Kejohanan Chator Daerah Br-Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Persatuan Chator Brunei akan menganjurkan pertandingan chator bagi Daerah Brunei dan Muara sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun.

Kejohanan tersebut akan di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu bahagian berpasukan dan perseorangan. Bagi kejohanan berpasukan ia-nya terbuka kepada kelab2; persatuan dan pasukan2 terbuka di-mana tiap satu pasukan mengandungi empat orang pemain. Pertandingan tersebut akan di-mulakan pada hari Ahad 20hb. April.

